

PENCETUS MINDA KOPERASI NEGARA

INFO

BIL. 2/2022 ISSN 0127-1023



23 - 24 NOVEMBER 2022
THE PACIFIC SUTERA HOTEL,
SUTERA HARBOUR, KOTA KINABALU



Dirasmikan Oleh:

YAB DATUK SERI PANGlima HAJI HAJI BIN HAJI NOOR
KETUA MENTERI SABAH

Anjuran:
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)



KONVENSYEN KEUSAHAWANAN KOPERASI: Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara

EKSKLUSIF

**IKMa Anjur Malam Jalinan Mesra
Himpun 100 Koperasi
Terbaik di Malaysia**

FOKUS

**Anugerah Lestari Modal
Insan Koperasi 2022**





DARI MEJA Ketua Editor

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Bismillahirrahmannirrahim, Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat juga Majalah INFO edisi kedua tahun 2022 diterbitkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada barisan editorial yang sentiasa bertungkus-lumus dalam memastikan setiap isu dapat diterbitkan dengan jayanya khusus untuk santapan para pembaca.

Tanpa disedari, usia 100 tahun gerakan koperasi di Malaysia hampir menuju ke penghujungnya. Pelbagai program yang telah disajikan sepanjang tahun 2022 sempena sambutan 100 tahun koperasi di Malaysia. IKMa selaku satu-satunya pusat latihan dan pendidikan koperasi turut memainkan peranannya dalam menjayakan aspirasi tersebut melalui penerbitan naskhah istimewa Buku 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia. Malah, melalui penganjuran Malam Jalinan Mesra Bersama 100 Koperasi Terbaik, IKMa turut memberi pengiktirafan kepada koperasi-koperasi yang cemerlang dalam pembangunan modal insan mereka melalui Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi 2022 yang telah disampaikan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri KUSKOP sempena sambutan ulang tahun 100 tahun koperasi di Malaysia.

Agensi-agensi di bawah KUSKOP seperti SKM, IKMa dan Bank Rakyat serta ANGKASA turut tidak terkecuali menjalinkan kerjasama dalam menjayakan program-program yang telah dirangka sejak dari awal tahun lagi bagi memeriahkan sambutan 100 tahun gerakan koperasi di Malaysia yang diadakan buat julung kalinya. Penglibatan keempat-empat agensi ini dilihat sangat signifikan dalam mengemudi masyarakat untuk menghayati nilai-nilai berkoperasi dalam gerakan koperasi di Malaysia. Di sinilah peranan yang perlu dimainkan oleh setiap agensi dalam memperkasa pembangunan gerakan koperasi secara holistik.

Justeru, melalui penerbitan Majalah INFO kali ini, beberapa rencana menarik dihidangkan bagi menyorot kembali program yang telah dijalankan oleh IKMa sepanjang Julai sehingga November 2022. Segmen Eksklusif kali ini pula berlatarbelakangkan Malam Jalinan Mesra yang menghimpunkan 100 koperasi terbaik di Malaysia yang diadakan bertujuan mengumpulkan barisan pentadbiran dan pengurusan tertinggi koperasi dalam kalangan Koperasi Premier dan 100 Koperasi Terbaik seluruh negara bagi meraikan sumbangan mereka dalam gerakan koperasi di samping memperkenalkan IKMa dan penubuhan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) sebagai universiti keusahawanan koperasi di Malaysia.

Akhir kalam, semoga para pembaca mendapat percambahan ilmu menerusi pembacaan dalam Majalah INFO kali ini.

Sekian.

Hamidah Mohd Jos

Sidang EDITOR

Penasihat

YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor

Ketua Editor

Puan Hamidah Mohd Jos

Editor

Puan Nor Aslamiah Ali

Puan Nur Syazwani Zainul Abidin

Puan Wan Nur 'Ain Wan Abd Rahim

Encik Mohamad Suandi Mortadza

Puan Afizah Abdul Jalal

Puan Norawati Ngatmin

Puan Norafidah Ismail

Encik Mohamad Haniff Mohamad Hashim

Puan Norul Hayatie Hashim

Puan Julizah Sabstu

Puan Nazirah Baharudin

Puan Maryam Hamidah Mohd Ghazi

Puan Nuur-Fadzillah Zullkepli

Puan Zaharatul Laili Zakaria

Urus setia

Puan Sharepah Nur Azirah Shareh Abd Rahman

Reka Bentuk dan Cetakan

Reka Cetak Sdn. Bhd.

www.rekacetak.com



KANDUNGAN

EKSKLUSIF

- 4 Konvensyen Keusahawanan Koperasi: Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara
- 6 IKMa Anjur Malam Jalinan Mesra Himpun 100 Koperasi Terbaik di Malaysia

FOKUS

- 8 Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi 2022
- 10 Majlis Perasmian Pejabat IKMa Cawangan Kuala Terengganu
- 11 Pelancaran Buku 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia
- 12 Anugerah Perdana Pemangkin Pendidikan dan Latihan Koperasi Malaysia
- 13 Seminar Penyelidikan Koperasi 2022 "Penyelidikan Peneraju Kecemerlangan Koperasi"
- 14 Seminar Wanita: Wanita Sejahtera melalui Koperasi
- 16 Webinar "Agricultural Technology, a Solution to Poverty Alleviation: Cooperatives Perspective"
- 18 Seminar Pengukuhan Pendapatan Koperasi Menerusi Penglibatan dalam Sektor Hartanah
- 20 Menjana Pendapatan Koperasi Melalui Industri Agromakanan

PERSPEKTIF

- 21 Majlis Taklimat dan Perasmian Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi (SESKo)
- 22 Pengurusan Sumber Manusia Secara Efektif
- 23 Kursus Pembangunan Produk Tingkatkan Kualiti Produk Koperasi
- 24 Kursus Tadbir Urus dan *Business Model Canvas* (BMC) Koperasi
- 25 Bicara Profesional Audit Patuh Syariah dalam Koperasi
- 26 Bicara Ketua Eksekutif: Pesona Mencipta Jaya
- 28 Pemantapan Perniagaan Melalui *Content Marketing* Padu
- 29 Bengkel Potensi dan Peluang dalam Sektor Hartanah & Industri Pembinaan
- 30 Bina Jenama Sendiri
- 31 Kursus Pengurusan Rekod Fail yang Efektif
- 32 Kursus Inovasi Melalui Model Perniagaan Koperasi
- 33 Bengkel Peletakan Harga & Negosiasi Pembekal
- 34 Adab Berniaga vs Ilmu Berniaga "Mana Lebih Utama?"

- 35 Kemeriahan Program MasKop Semarakkan Semangat Keusahawanan dan Berkoperasi
- 37 Bengkel DIY Penggalak (Baja) dan Racun Organik
- 38 Bengkel Pembangunan Kemahiran Perkhidmatan Jurupandu Pelancongan Kembara Tahap 1 dan 2
- 40 Program Daya Tahan Koperasi Miricle: Bongkar Rahsia Bisnes Berjaya

JARINGAN

- 42 Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
- 43 IKMa Meneroka Potensi Kerjasama dengan Universiti Riau, Indonesia
- 44 Lawatan Delegasi Anggota Lembaga Pengarah ke Koperasi Bumi Kenyalang
- 46 Perkongsian Kisah Kejayaan Koperasi
- 47 Pelajar SMK Raja Perempuan Kelsom Lawat IKMa
- 47 Lawatan SMKA Sultan Azlan Shah, Bota Perak ke IKMa
- 48 Program Kerjasama Teknikal
- 50 Hari Koperasi Negara dan Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Terengganu 2022
- 51 Pentadbiran dan Pengurusan Koperasi Sekolah 2022
- 52 IKMa, Brunei Jalin Kerjasama Pembangunan Modal Insan Koperasi 2023
- 54 IKMa, NCCM perkukuhkan Jalinan Kerjasama dengan Termeterai Perjanjian Persefahaman
- 56 Lawatan Projek Farmasi Al-Arif
- 57 Anggota Lembaga Pengarah IKMa Lawat Koperasi Homestay Telok Ketapang Terengganu Berhad
- 58 Project Climakers 2022: COOPKILIM Wakil Malaysia ke Peringkat Antarabangsa

BERITA KAKITANGAN

- 60 Program Rapat Warga Zon Selatan: Pertandingan Badminton
- 60 Pelepasan 400 Ekor Anak Penyusuk Simbolik kepada Sambutan 100 Tahun Koperasi

GALERI

- 61 Galeri

Konvensyen Keusahawanan Koperasi: Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara

Norawati Ngatmin
norawati@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah



Majlis penyerahan resolusi kepada wakil KUSKOP, disaksikan oleh YB Datuk Abidin Madingkir

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah bersama Sektor Keberhasilan, IKMa Ibu Pejabat telah menganjurkan **Konvensyen Keusahawanan Koperasi "Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara"** bertempat di The Pacific Sutera Hotel, Sutera Harbour, Kota Kinabalu, Sabah pada 23 dan 24 November 2022 yang lalu. Konvensyen IKMa yang julung kali dianjurkan di negeri Sabah telah dihadiri seramai 400 orang peserta daripada kalangan koperator, usahawan, pegawai agensi kerajaan dan swasta dan pegawai Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Di samping konvensyen, juga terdapat 22 buah

meja pameran yang mempromosikan produk koperasi dan usahawan seperti makanan sejuk beku, minuman, makanan kering, buku koperasi dan alat ganti kenderaan seperti minyak enjin kenderaan. Konvensyen kali ini telah dijadikan platform bagi membincangkan isu, cabaran dan peluang perniagaan dalam situasi semasa ekonomi negara. Kejayaan konvensyen pada kali ini menunjukkan kematangan IKMa umumnya dan IKMa Zon Sabah khususnya dalam menganjurkan program yang berimpak tinggi.

Pengisian program konvensyen ini terbahagi kepada enam sesi ceramah,

satu sesi penyediaan resolusi mengikut sektor keberhasilan dan 1 sesi forum. Sesi ceramah pertama disampaikan oleh YBhg. Dato' Haji Zazali bin Haron, Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang telah membincangkan senario semasa keusahawanan koperasi di Malaysia. Sesi ceramah kedua telah disampaikan oleh Encik Mohd Suhairy bin Mat Sari, Pengurus Besar Kanan, Bahagian Pengurusan dan Korporat, Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad yang membincangkan isu, cabaran, peluang serta kelangsungan perniagaan dalam sektor kewangan.

Sesi ketiga memfokus kepada sektor pelancongan yang disampaikan oleh Encik Muzammil bin Mardzuki, Green Project Management (GPM) Ambassador yang membincangkan topik 'Inisiatif Baharu Bisnes Pelancongan Koperasi'. Sesi keempat adalah berkaitan dengan sektor peruncitan yang telah disampaikan oleh Encik Mohd. Azmi bin Ismail, Pengurus Wilayah Borneo, Koperasi Makmur Malaysia Berhad yang membincangkan topik 'Pelan Kesenambungan Perniagaan (Business Continuity Plan - BCP) dalam Peruncitan'. Sesi kelima melibatkan pembentangan berkaitan sektor pertanian yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Mohd. Aini bin Haji Taib, Pengerusi, Federasi Koperasi Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia Berhad yang membincangkan topik 'Peranan, Peluang dan Cabaran Koperasi dalam Merealisasikan Agenda *Food Security* Negara'. Sesi ceramah keenam pula melibatkan sektor hartanah yang

disampaikan oleh Encik Mohammed Nazree Shah bin Anwar Shah yang membincangkan topik 'GIG Ekonomi - Potensi Koperasi dalam Industri Hartanah dan Pembinaan'.

Sesi ketujuh merupakan sesi penyediaan resolusi yang mana semua peserta dibahagikan mengikut bidang keberhasilan utama iaitu Sektor Kewangan, Sektor Pelancongan, Sektor Peruncitan, Sektor Pertanian dan Sektor Hartanah. Para peserta telah diberikan ruang dan peluang berbincang dengan para penceramah yang terlibat dalam setiap sesi untuk membincangkan dan seterusnya menyediakan resolusi untuk membangun dan memajukan perniagaan koperasi untuk diserahkan kepada pihak KUSKOP semasa majlis perasmian konvensyen.

Pada hari kedua telah berlangsung sesi forum bertajuk 'Bisnes Luar Norma bagi Cabaran Luar Norma' melibatkan perkongsian pengalaman koperasi terpilih. Moderator bagi forum tersebut ialah Cik Sharina binti Abdullah, Pengarah Kanan, Bahagian Dasar dan Strategi Institut Koperasi Malaysia. Forum ini melibatkan tiga orang ahli panel mewakili tiga sektor. Panel pertama mewakili sektor peruncitan iaitu YBhg. Dato' Seri Dr. Arsit bin Haji Sedi @ Sidik, Penasihat Koperasi Pembangunan Usahasama Masyarakat Maju Sabah Berhad (KOP-PUSAMAJU). Panel kedua mewakili sektor pelancongan iaitu Encik Abd. Sanih bin Hj. Nasri, Pengerusi, Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan Berhad (KOPEL)

dan panel ketiga mewakili sektor pertanian iaitu Encik. Darren Lo, Pengerusi, Koperasi Wawasan Rakyat Sabah Berhad (KOWR).

Majlis perasmian konvensyen dimulakan dengan tayangan multimedia IKMa Zon Sabah sempena sambutan ulang tahun ke-25. Seterusnya ucapan aluan yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli Mat Hassan, Pengerusi, Lembaga Pengarah IKMa. Ucapan perasmian konvensyen telah disempurnakan oleh YB Datuk Abidin Madingkir, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah yang mewakili YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah. Kemuncak majlis perasmian menyaksikan penyerahan resolusi kepada wakil Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang disaksikan oleh YB Datuk Abidin Madingkir. Konvensyen ini diharap dapat memberi manfaat kepada gerakan koperasi khususnya dan usahawan amnya dan memberi impak yang positif kepada IKMa selaku pusat latihan koperasi yang unggul di Malaysia.



Sesi bergambar kenangan



Sesi perasmian



Sesi soal jawab peserta bersama penceramah



Pempamer dari koperasi dan usahawan

IKMa Anjur Malam Jalinan Mesra Himpun 100 Koperasi Terbaik di Malaysia



YB Tan Sri Noh, Menteri KUSKOP bergambar kenangan bersama-sama para koperator

Tarikh 15 Ogos 2022 Institut Koperasi Malaysia (IKMa) menganjurkan Malam Jalinan Mesra Bersama 100 Koperasi Terbaik bersempena 100 tahun koperasi bertapak di negara ini. Majlis telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Majlis makan malam meraikan 350 orang tetamu undangan khusus yang terdiri daripada Pengerusi dan Ketua Eksekutif (KE) koperasi dalam kalangan 100 koperasi terbaik di Malaysia.

Selain itu, majlis makan malam ini juga bertujuan mengumpulkan barisan pentadbiran dan pengurusan tertinggi koperasi dalam kalangan Koperasi Premier dan 100 Koperasi Terbaik seluruh negara bagi meraikan sumbangan

mereka dalam gerakan koperasi di samping memperkenalkan IKMa dan penubuhan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) sebagai universiti keusahawanan koperasi di Malaysia. Majlis ini juga bertujuan memberi pengiktirafan kepada Koperasi Premier sebagai perintis kepada koperasi lain dalam menyumbang kepada kelangsungan gerakan koperasi serta peningkatan sumbangan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Ia juga sebagai platform perkongsian pengalaman tokoh korporat bersama Pengerusi dan Ketua Eksekutif koperasi dalam menghadapi cabaran perniagaan semasa serta mengekalkan kelangsungan koperasi.

Dengan tema '**Inspirasi Mencipta Aspirasi**' makan malam ini diharapkan dapat memberi suntikan semangat

jati diri korporat serta anjakan paradigma kepada para Pengerusi dan Ketua Eksekutif koperasi dalam meningkatkan prestasi, semangat daya saing dan ketahanan koperasi dalam menghadapi dunia perniagaan yang mencabar masa kini. Makan malam ini juga diharapkan dapat melahirkan inspirasi ke arah meningkatkan penglibatan koperasi dalam melahirkan modal insan yang profesionalisme melalui sebuah pusat pembelajaran sepanjang hayat yang dikenali sebagai Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM).

Untuk tujuan itu juga, pembangunan modal insan koperasi perlu diletakkan sebagai agenda penting negara. Kerajaan telah mengiktiraf kewujudan koperasi bukan sahaja sebagai sebuah mekanisme membasmi kemiskinan

terutama dalam kalangan masyarakat luar bandar tetapi juga sebagai sektor ketiga terpenting negara.

Universiti koperasi ini dapat direalisasikan apabila semua koperasi bersama-sama menyokong kewujudannya dengan memberikan komitmen melalui perkongsian dana modal yang diperlukan dan beberapa kerjasama strategik seperti penajaan pembiayaan pengajian dan penghantaran anggota, warga kerja koperasi ke UKKM. Selain itu, koperasi juga wajar membuka peluang pelajar UKKM menjalani latihan industri di koperasi dan akhirnya mereka menawarkan peluang pekerjaan kepada graduan lepasan UKKM ini.

Konsep universiti ini sebagai sebuah universiti butik swasta di bawah naungan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan diterajui oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa), di mana KUSKOP telah mengiktiraf IKMa sebagai THINKERS kepada pembangunan modal insan koperasi. IKMa melalui KUSKOP telah menghasilkan Pelan Pembangunan Modal Insan Koperasi di Malaysia dan penubuhan universiti ini merupakan sebahagian hala tuju IKMa 2022 – 2025.

Penubuhan universiti ini juga merupakan satu keperluan dalam pembangunan kapasiti modal insan koperasi ke arah melahirkan barisan pelapis pemimpin koperasi yang kompeten dan profesional untuk mengerakkan sektor koperasi supaya setara dengan sektor penyumbang ekonomi lain dalam negara.

Objektif penubuhan universiti antaranya melahirkan tenaga mahir dan profesional dalam bidang pengurusan perniagaan khasnya berkaitan keusahawanan koperasi dengan mengoptimumkan sumber melalui guna sama kepakaran antara agensi di bawah KUSKOP yang disatukan di bawah universiti. Penggabungan kepakaran semua agensi berupaya menghasilkan standard pendidikan bercirikan keusahawanan koperasi di Malaysia. Secara tidak langsung dapat melahirkan barisan kepimpinan dan pengurusan koperasi yang kompeten, profesional serta berwibawa dalam tempoh jangka panjang. Ini seiring dengan hasrat KUSKOP yang mahu lepasan graduan universiti ini yang mencipta pekerjaan (*job creator*) dan bukannya mencari pekerjaan (*seekers to creators*). Ini untuk menyokong kerajaan menjadi negara keusahawanan menjelang 2030.

Istimewanya UKKM ini kerana ia berkonsepkan 2U2i iaitu “*Train and Place*” atau konsep penggabungan pelajaran dan pengalaman kerja. Di mana setiap graduan yang dilahirkan akan mendapat tempat di koperasi dan industri terpilih yang akan menjalinkan usaha sama dengan UKKM. Usaha ini kelak akan dapat menghasilkan graduan yang berkelayakan dan profesional yang mampu menyumbang secara produktif kepada gerakan koperasi dalam negara.

Kesimpulannya, penubuhan universiti khas kebitaraan keusahawanan

koperasi ini adalah satu landasan yang tepat dalam usaha membentuk semangat keusahawanan koperasi yang utuh. Ini bukan sahaja dalam kalangan para usahawan dan koperasi malahan para generasi muda yang akan datang. Oleh itu, keperluan penubuhan universiti khas sebagai pemangkin pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, dan pengembangan bakat kepada masyarakat dalam dan luar negara amat diperlukan. Ia seiring dengan visi dan misi IKMa ke arah kecemerlangan modal insan dan keusahawanan koperasi.



Pengacara majlis, Nor Intan Ezreena Amir Hamzah



Persembahan istimewa, Dato' Sri Siti Nurhaliza

Selaras dengan Sambutan 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) buat julung kalinya telah memberikan satu pengiktirafan kepada koperasi kluster besar, sederhana, kecil dan mikro yang bergiat aktif dalam membangunkan modal insan koperasinya sendiri. Penganugerahan yang dikenali sebagai 'Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi 2022' ini merupakan cetusan idea daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan IKMa yang telah diadakan bersekali dengan majlis Malam Jalinan Mesra 'Inspirasi Mencipta Aspirasi' yang turut dihadiri oleh wakil 100 Koperasi Terbaik bagi tahun 2021. Majlis ini berlangsung dengan gilang-gemilang pada 15 Ogos 2022 bertempat di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur.

Pengiktirafan tersebutnya asalnya telah dirancang pada tahun-tahun sebelum ini, namun ia tertangguh ekoran penularan pandemik COVID-19 yang melanda di seluruh negara. Walau bagaimanapun, selaras dengan sambutan 100 tahun gerakan koperasi di Malaysia, kriteria penganugerahan tersebut telah ditambah baik semula dengan kriteria, kategori dan hadiah

yang lebih menarik. Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf koperasi kluster besar, sederhana, kecil dan mikro yang giat membangunkan modal insan koperasi yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi, kakitangan mahupun anggota koperasi. Di samping itu, anugerah ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kefahaman masyarakat tentang kepentingan pendidikan koperasi bagi memastikan kelestarian sesebuah koperasi dicapai seiring dengan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKom). Ia sebagai mana yang telah digariskan di dalam Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan Koperasi 2022-2025 di mana koperasi perlu melahirkan modal insan koperasi yang berpengetahuan sekali gus memacu kecemerlangan gerakan koperasi di Malaysia. Terdapat empat kategori anugerah yang dipertandingkan iaitu kategori Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi - Kluster Besar, Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi - Kluster Sederhana, Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi - Kluster Kecil dan Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi - Kluster Mikro.

Pembangunan modal insan koperasi merupakan antara kriteria utama

Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi 2022

Muhammad Azri bin As'ari
muhammad.azri@ikma.edu.my
Unit Pembangunan Modal Insan

penilaian anugerah di mana setiap koperasi yang telah di senarai pendek akan dinilai dari segi penglibatan aktif program pembangunan modal insan di IKMa, aktif merancang pembangunan modal insan kakitangan dan anggota, penyediaan bajet khas latihan untuk kakitangan dan anggota serta peratusan penggunaan belanjawan untuk pembangunan modal insan. Selain itu, anugerah ini juga menitikberatkan penghayatan nilai prinsip koperasi, laporan kewangan koperasi (2019 - 2020), keupayaan mengembangkan sumber kewangan yang sedia ada, inisiatif pemulihan semula aktiviti perniagaan koperasi pasca pandemik, tanggungjawab sosial serta nilai tambah yang diterapkan di koperasi. Anugerah ini dinilai bermula pada Jun 2022 sehingga Ogos 2022 yang melibatkan tiga orang panel penilai di kalangan pengurusan tertinggi IKMa. Kaedah pelaksanaan penilaian meliputi saringan penilaian pertama melalui sistem dan penilaian terakhir secara bersemuka di mana panel penilai akan membuat lawatan ke koperasi yang terpilih.

Saringan penilaian pertama dimulakan melalui hasil semakan



Barisan penerima Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi 2022 bergambar bersama YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi berserta dif-dif kehormat

pada Sistem Pengurusan Maklumat Kursus (MiTS IKMa) dengan menilai aspek pembangunan modal insan seperti kekerapan kehadiran koperasi berkursus di IKMa mengikut kategori Anggota Lembaga Koperasi, kakitangan dan anggota koperasi berdasarkan skala merit dan penilaian keberkesanan koperasi menghadiri kursus serta kesannya kepada produktiviti koperasi tersebut. Terdapat 13 buah koperasi yang telah di senarai pendek mengikut empat kategori yang dipertandingkan. Setiap kategori mempunyai tiga buah koperasi terpilih kecuali kategori Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi - kluster besar yang mempunyai empat buah koperasi terpilih kerana terdapat dua koperasi mempunyai markah yang sama.

Seterusnya, sesi penilaian terakhir dijalankan secara sesi temu bual bersama barisan pengurusan tertinggi koperasi yang telah di senarai pendek dan membuat lawatan penanda aras koperasi bagi melihat aktiviti yang dijalankan oleh koperasi tersebut. Usai kesemua penilaian dijalankan, barisan panel penilai memutuskan keputusan akhir anugerah bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

Barisan penerima anugerah ini adalah seperti berikut:

- i. **Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi - Kluster Besar**
 - Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad
- ii. **Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi - Kluster Sederhana**
 - Koperasi Kesihatan Terengganu Berhad

iii. **Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi - Kluster Kecil**

- Koperasi Pembangunan Wakaf Bharu Berhad

iv. **Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi - Kluster Mikro**

- Koperasi Pembangunan Desa Saradan Tenghilan Berhad

Para pemenang setiap kategori anugerah tersebut membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM10,000.00, trofi dan sijil penghargaan yang telah disampaikan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan disaksikan oleh YB Datuk Muslimin bin Yahaya, Timbalan Menteri KUSKOP. Hadir sama ke majlis ialah YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP, YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan) KUSKOP, YBhg. Dato' Haji Zazali bin Haron, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli bin Mat Hassan, Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa, YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa dan YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah bin Abdullah, Presiden ANGKASA.

Secara keseluruhannya, anugerah ini mendapat sambutan luar biasa dan maklum balas yang menggalakkan daripada keseluruhan gerakan koperasi di Malaysia. Ia secara tidak langsung dapat memperkasa koperasi agar bergerak maju seiring visi aspirasi Keluarga Malaysia iaitu memulihkan negara dan mencapai status Malaysia sebagai negara maju

dan berpendapatan tinggi. Anugerah ini akan diadakan lagi pada masa akan datang dalam menilai tahap pembangunan modal insan koperasi itu sendiri seiring dengan visi dan misi Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan Koperasi 2022-2025 dalam memperkasa modal insan koperasi ke arah kecemerlangan.



Barisan panel penilai (dari kiri), Puan Sri Datin Seri Noraesyah Saari, Puan Hamidah Mohd Jos, dan Encik Mohamad Rasydi Abd Rashid sedang membuat penilaian anugerah kepada Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad



Puan Hamidah Mohd Jos diberi penerangan berkaitan salah satu produk terkini Koperasi Wakaf Bharu Berhad



Penyampaian cenderamata daripada IKMa kepada Koperasi Polis yang diwakili oleh Puan Hamidah Mohd Jos



Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa memotong reben simbolik perasmian pejabat IKMa Zon Timur Cawangan Kuala Terengganu

Majlis Perasmian Pejabat IKMa Zon Timur Cawangan Kuala Terengganu

Norsyeirawani Shari
norsyeirawani@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Cawangan Kuala Terengganu

Bertempat di aras 3A, Wisma KOKITAB, Jalan Semarak, 21200, Kuala Nerus, Terengganu, tanggal 22 September 2022 merupakan hari yang bersejarah bagi Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Cawangan Kuala Terengganu. Majlis Perasmian Pejabat Cawangan Kuala Terengganu yang telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli bin Mat Hassan, Pengerusi IKMa diadakan dengan penuh kemeriahan dengan kehadiran 180 orang tetamu yang terdiri daripada YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Lembaga Pengarah IKMa, ketua-ketua agensi dan jabatan kerajaan, pemimpin-pemimpin serta koperator-koperator sekitar Kuala Nerus.

Majlis perasmian ini diadakan di perkarangan pejabat laman KOKITAB dan dimulai dengan acara gimik memotong reben dan lawatan sekitar pejabat oleh YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli bin Mat Hassan bersama-sama YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Lembaga Pengarah IKMa, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Terengganu dan Pengerusi Angkatan Negeri Terengganu.

Pengoperasian Cawangan Kuala Terengganu ini seiring dengan perkembangan dan keperluan gerakan koperasi yang kini telah berusia 100 tahun dan sebagai

inisiatif agar IKMa lebih dekat dengan koperator di lapangan terutama di Negeri Terengganu.

Pejabat Cawangan Kuala Terengganu mula beroperasi pada 9 Mei 2022 dengan tiga orang warga kerja. Sepanjang pengoperasian, cawangan ini telah menjalankan sebanyak 20 kursus, program, bicara ilmu serta khidmat bimbingan dengan penyertaan seramai 350 orang koperator yang terdiri daripada Lembaga, anggota dan kakitangan koperasi.

Selain itu pelbagai program dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia, ANGKASA Negeri Terengganu, agensi dan koperasi-koperasi sekitar Terengganu telah diadakan di antaranya Hari Koperasi Negara peringkat Negeri Terengganu, Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia peringkat Negeri Terengganu, Program Taklimat Induksi Anggota Koperasi Baharu ANGKASA, Taklimat peranan, hak dan tanggungjawab anggota koperasi, bengkel aturan koperasi sekolah peringkat Wilayah Pantai Timur dan Taklimat Celik Koperasi bersempena Hari Koperasi Sekolah.



Bergambar kenangan bersama barisan Anggota Lembaga Pengarah IKMa dan Pengurusan Tertinggi IKMa

Pelancaran Buku

100 Tahun Gerakan Koperasi Di Malaysia

Zaharatul Iaili Zakaria
laili@ikma.edu.my

Ain Syahidah Mohd Nawī
syahidah@ikma.edu.my
Unit Pembangunan Modal Insan



Sesi fotografi pelancaran Buku 100 Tahun koperasi di Malaysia

Majlis Pelancaran Buku 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia telah diadakan pada 30 Julai 2022 yang lalu bertempat di Mines International Exhibition and Convention Centre (MIECC), Seri Kembangan Selangor dan diadakan bersekalikan dengan Hari Koperasi Negara 2022 peringkat kebangsaan. Pelancaran buku tersebut merupakan salah satu agenda yang telah dirangka bersempena sambutan 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan beberapa agensi di bawah KUSKOP iaitu Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Bank Rakyat dan ANGKASA. Majlis yang dihadiri seramai 500 orang tetamu ini juga merupakan acara kemuncak Sambutan 100 Tahun

Gerakan Koperasi di Malaysia yang diadakan sebagai penutup bagi program yang dijalankan sepanjang tahun 2022.

Majlis Pelancaran Buku 100 Tahun Koperasi di Malaysia ini telah disempurnakan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) disaksikan oleh YB Datuk Muslimin bin Yahaya, Timbalan Menteri KUSKOP, YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP, YBhg. Dato' Mohammad Radhi bin Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha KUSKOP, YBhg. Dato' Haji Zazali bin Haron, Pengerusi Eksekutif SKM, YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa, YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah, Presiden ANGKASA serta ketua-ketua jabatan KUSKOP.

Penerbitan Buku 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia ini merupakan manifestasi kejayaan gerakan koperasi di Malaysia sejak penubuhannya pada

1922 sehinggalah kemakmuran kini yang dikecapi oleh Keluarga Malaysia. Gerakan koperasi di Malaysia telah mula bertapak pada tahun 1922 dan tahun 2022 merupakan tahun yang amat bermakna buat gerakan koperasi yang telah wujud selama 100 tahun. Justeru, buku ini dapat dijadikan sumber rujukan oleh masyarakat dan juga generasi akan datang tentang bagaimana gerakan koperasi mengharungi cabaran dan liku-liku sepanjang penubuhan gerakan koperasi di Malaysia.

Secara keseluruhannya, Majlis Pelancaran Buku 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang menggalakkan khususnya daripada warga koperator yang hadir. Hal ini kerana buat julung kalinya buku mengenai sejarah 100 tahun koperasi di Malaysia dibukukan. Semoga gerakan koperasi di Malaysia terus unggul dan mampu untuk melakar sejarahnya yang tersendiri.

Pada 26 November 2022 yang lalu, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah menerima anugerah dari Kesatuan Koperasi MIDLANDS Berhad dan Kesatuan Koperasi - Koperasi Kredit Malaysia Berhad (ACCUM) atas khidmat bakti dan sumbangan IKMa dalam bidang pendidikan dan latihan koperasi di Malaysia. Puan. Hajah Yusnita binti Othman, Pengarah IKMa Zon Utara dijemput bagi mewakili IKMa untuk menerima anugerah tersebut dalam Majlis Makan Malam Anugerah MIDLANDS – ACCUM sempena Ulang Tahun ke-100 Gerakan Koperasi di Malaysia (1922-2022) anjuran Kesatuan Koperasi MIDLANDS Berhad dan Kesatuan Koperasi - Koperasi Kredit Malaysia Berhad (ACCUM) di Hotel Langkasuka, Langkawi, Kedah. Turut hadir di Majlis Makan Malam itu adalah YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah bin Abdullah, Presiden ANGKASA. Beliau telah merasmikan majlis dan menyampaikan anugerah kepada para peserta. Terdahulu, berlangsung satu program Seminar Koperasi Malaysia 2022 yang bertemakan “Pembentukan Agenda Baru Gerakan Koperasi Malaysia: Kekal Ke Hadapan dan Relevan untuk Masa Depan” yang dianjurkan oleh Koperasi MIDLANDS Berhad dan Kesatuan Koperasi - Koperasi Kredit Malaysia Berhad (ACCUM) pada 25-27 November 2022 di Hotel Langkasuka, Langkawi, Kedah. Seramai 150 orang peserta dari Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Selangor, Melaka, Perak dan lain-lain mengikuti seminar tersebut.

Anugerah Perdana Pemangkin Pendidikan dan Latihan Koperasi Malaysia

Nasuha Nezuakifli
nasuha@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Utara



YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah, Presiden ANGKASA bersama YBhg. Datuk Dr. Mohinder Singh, Pengerusi MIDLANDS dan YBhg. Dato’ Seri Dr. Mohd Ariff Araff, Pengerusi ACCUM



YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah, Presiden ANGKASA menyampaikan anugerah kepada Puan Hajah Yusnita Othman, Pengarah IKMa Zon Utara



Plak Anugerah Perdana Pemangkin Pendidikan dan Latihan Koperasi Malaysia yang diterima Institut Koperasi Malaysia sempena Sambutan 100 tahun Gerakan Koperasi Malaysia



Sesi pembentangan oleh para penyelidik

Seminar Penyelidikan Koperasi 2022 “Penyelidikan Peneraju Kecemerlangan Koperasi”

Azmaliza Arifin

azmaliza@ikma.edu.my

Pusat Penyelidikan

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) merupakan satu-satunya pusat latihan koperasi dan menjadi rujukan kepada gerakan koperasi di negara ini. Penyelidikan merupakan faktor terpenting dalam menjadikan sesebuah institusi sebagai satu badan yang dinamik, progresif dan inovatif. IKMa turut memberi penekanan terhadap penyelidikan berkualiti dan berimpak dalam memastikan gagasan pembangunan sosioekonomi gerakan koperasi tercapai. Penyelidikan yang dilaksanakan oleh Pegawai Latihan di IKMa merupakan antara usaha memantapkan IKMa dalam menyediakan tenaga pakar dan para ilmuwan dalam pelbagai bidang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran koperasi.

Penganjuran seminar penyelidikan koperasi pada tahun ini telah diadakan pada 1-2 September

2022 di Bangi Golf Resort, Selangor dengan tema “Penyelidikan Peneraju Kecemerlangan Koperasi”. Objektif utama seminar ini adalah mengenal pasti hasil kajian yang dapat memberi manfaat kepada gerakan koperasi, mewujudkan medan perbincangan ilmunan mengenai isu dan cabaran yang dihadapi dalam gerakan koperasi, dan memperoleh idea-idea baharu untuk membentuk polisi dan perancangan yang praktikal.

Seramai 116 orang peserta terlibat dalam seminar ini yang terdiri daripada Pegawai Latihan IKMa, Pegawai Pengurusan IKMa, Pegawai dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Pensyarah Universiti (UiTM, USM,

UMS). Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor (Ketua Pengarah, IKMa).

Secara keseluruhannya, penganjuran seminar penyelidikan koperasi ini diharap dapat menyebarkan hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh para pegawai. Selain itu, hasil penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak seterusnya merangsang pembangunan koperasi, menyumbang ke arah meningkatkan keupayaan modal insan dalam gerakan koperasi dan kerjasama yang lebih erat antara agensi-agensi di bawah KUSKOP dan pihak lain yang menjalankan penyelidikan berkaitan gerakan koperasi.



YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa bersama tetamu jemputan dan peserta seminar merakam gambar kenangan

Seminar Wanita Sejahtera Wanita: Melalui Koperasi

Siti Hafizah Ramli
hafizah@ikma.edu.my
Pusat Pembangunan Koperasi



Dr. Hajah Hayati, penceramah jemputan menerangkan tentang Tajuk 'Wanita Sejahtera Melalui Koperasi'



Sebahagian peserta yang hadir ke seminar

Penglibatan wanita dalam koperasi sangat diperlukan pada masa kini. Hal ini kerana pembabitan aktif wanita dalam gerakan koperasi penting bagi memastikan sektor itu terus berdaya saing dan dijadikan platform untuk mempertingkatkan kedudukan ekonomi sejurus dapat menyumbang dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. 40 peratus daripada lapan juta ahli koperasi adalah golongan wanita dan

mereka merupakan pengguna serta tenaga kerja utama sektor koperasi.

Pada masa kini terdapat 247 koperasi wanita, 26 koperasi ibu tunggal dan selebihnya koperasi puteri yang menyertai pelbagai bidang perniagaan dengan keahlian lebih 100,000 orang. Kewujudan koperasi wanita ini memberi saingan kepada koperasi yang diterajui oleh golongan lelaki. Malah, peningkatan bilangan koperasi wanita membuktikan wanita negara ini mempunyai kesedaran tinggi untuk berjaya dalam kegiatan gerakan koperasi.

Pada 20 hingga 21 Julai 2022, Pusat Pembangunan Koperasi (PPK) telah

menganjurkan seminar wanita iaitu bertemakan Wanita Sejahtera melalui Koperasi. Seramai 60 orang anggota koperasi yang telah terlibat dan secara keseluruhan diwakili oleh anggota dalam kalangan wanita yang bertempat di Hotel Langkasuka, Langkawi. Perasmian seminar telah dirasmikan oleh Encik Christopher John Baptist, Pengarah Pusat Pembangunan Koperasi.

Objektif kursus ini diadakan adalah bagi menambah ilmu koperasi melalui perkongsian pengalaman daripada koperator berjaya dan meningkatkan motivasi diri dan organisasi bagi mencapai visi dan misi koperasi. Menariknya program ini, lima sesi

kertas kerja telah dibentangkan iaitu sesi pertama bertajuk penglibatan wanita dalam koperasi disampaikan oleh Puan Nasibah binti Ahmad, Pegawai Latihan dari IKMa. Sesi ini membincangkan tentang peranan wanita dalam penglibatan berkoperasi haruslah seiring dengan kaum lelaki yakni wanita harus melibatkan diri dalam pengurusan tertinggi koperasi supaya dapat menyumbang idea dan tenaga dalam berkoperasi.

Seterusnya, sesi kedua adalah motivasi kepimpinan iaitu wanita sejahtera melalui koperasi. Perkongsian pengalaman disampaikan oleh Dr. Hajah Hayati binti Md Salleh yang menekankan tentang motivasi kepada para peserta melalui peranan dan manfaat berkoperasi dalam kalangan wanita.

Keesokan harinya, sesi ketiga adalah adaptasi teknologi dalam perniagaan yang disampaikan oleh pihak Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC). Dalam sesi ini, para peserta diperkenalkan tentang adaptasi perniagaan secara digitalisasi. MDEC membantu koperasi atau usahawan dalam menyediakan platform digitalisasi untuk memulakan perniagaan secara alam maya.

Seterusnya, sesi keempat berkaitan dengan taklimat bantuan perniagaan koperasi yang disampaikan oleh Encik Syaferq bin Abdullah dari SKM Negeri Kedah. Beliau menerangkan bantuan dan geran yang ditawarkan kepada pihak SKM kepada koperasi dan penutup sesi ditayangkan beberapa

sorotan video koperasi yang berjaya menerima bantuan dari pihak SKM.

Sesi terakhir pula perkongsian kisah kejayaan koperasi dan usahawan yang disampaikan oleh Puan Ina dari Koperasi Usahawan Groom Big Pulau Pinang Berhad dan Puan Aisyah yang merupakan usahawan Teratak Coklat. Puan Ina berkongsi pengalaman tentang usaha Ahli Lembaga Koperasi dalam membuat dan memperkenalkan produk pes char kuetiau ke pasaran dan semangat berniaga dalam berkumpulan. Manakala Puan Aisyah berkongsi pengalaman menjalankan perniagaan yang dimiliki iaitu Teratak Coklat di Pulau Pinang. Perkongsian ilmu daripada mereka berdua berjaya menyuntik semangat para peserta yang hadir.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah mendapat reaksi positif dalam kalangan peserta dan telah mencapai objektifnya. Kursus ini

telah membuka minda para peserta tentang kefahaman dan keistimewaan berkoperasi di kalangan wanita serta mengetahui tatacara untuk mempromosikan koperasi secara digitalisasi dan memohon geran atau pinjaman daripada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia.



Produk Koperasi Pes Char Kuetiau



Bergambar kenangan bersama peserta dan penceramah yang hadir

Webinar “Agricultural Technology, a Solution to Poverty Alleviation: Cooperatives Perspective”

Muhammad Afnan Hasim
afnan@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa & Kolaborasi

Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan kerjasama *Cooperative Promotion Department (CPD), Ministry of Agriculture and Cooperatives, Thailand* telah menganjurkan satu Program Bicara Ilmu secara dalam talian bertajuk *Agricultural Technology, A Solution to Poverty Alleviation: Cooperatives Perspective* pada 07 Julai 2022 yang lalu. Objektif utama penganjuran ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan tentang isu dan cabaran dalam bidang pertanian dari perspektif koperasi.

Seminar ini dirasmikan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa mewakili YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa. Seramai 160 orang peserta yang menyertai program ini terdiri daripada peserta dalam dan luar negara seperti Malaysia, Philippines, Thailand, Uganda, Indonesia, Nepal, Ghana, Kenya yang hadir secara dalam talian melalui platform aplikasi Zoom Meeting. Dr. Rozhan Abu Dardak, mantan Timbalan Ketua Pengarah di MARDI telah dijemput selaku moderator bagi program pada kali ini.



Profesor Madya Dr. Fakhru Anwar Zainol, Pengerusi Koperasi Permodalan Sahabat Terengganu Berhad selaku pembentang pertama

Seramai tiga pembentang kertas kerja telah dijemput untuk membentangkan kertas kerja masing-masing secara dalam talian berdasarkan pengalaman dan pengetahuan mereka. Pembentang pertama dari Malaysia iaitu Profesor Madya Dr. Fakhru Anwar Zainol, Pengerusi Koperasi Permodalan Sahabat Terengganu Berhad, membentangkan kertas kerja yang bertajuk *Emerging Technology and Innovation in Malaysia Agriculture Sector: Issues and Challenges from Cooperatives Perspective*.


Antara pengisian pada sesi ini ialah peserta didedahkan dengan keadaan semasa dan cabaran dalam industri pertanian. Beliau menyatakan bahawa, kesan daripada penularan wabak COVID-19 yang melanda dunia baru-baru ini, turut menjejaskan pendapatan sektor koperasi di Malaysia khususnya yang menjalankan aktiviti pertanian.

Pembentang kedua ialah Cik Kornnapa Chaiyawat, Penasihat Eksekutif, *Cooperative Promotion Department, Ministry of Agriculture and Cooperatives, Thailand* membentangkan kertas kerja beliau bertajuk *Agricultural Cooperative Adaptation for Smart Agriculture in Thailand*. Penceramah telah berkongsi perangkaan statistik koperasi yang terdapat di Thailand di mana sebanyak 3,208 buah koperasi menjalankan aktiviti pertanian dengan keahlian seramai 6,112,704 orang.

Antara inisiatif yang dijalankan oleh pihak kerajaan Thailand melalui kementerian adalah dengan mengembangkan lagi industri pertanian melalui ladang yang berskala besar. Objektifnya adalah bagi mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan produktiviti, penghasilan produk yang lebih berkualiti untuk mencapai standard pasaran serta mempromosikan



Cik Kornnapa Chaiyawat, Penasihat Eksekutif, Cooperative Promotion Department, Ministry of Agriculture and Cooperatives, Thailand



Dr. Prosper John Kimaro, Pensyarah Kanan, Moshi University, Tanzania

kerjasama antara petani dan koperasi dengan sektor kerajaan dan swasta.

Pembentang ketiga dan terakhir ialah Dr. Prosper John Kimaro, Pensyarah Kanan Moshi University, Tanzania, membentangkan kertas kerja beliau bertajuk *Empowering Cooperative through Agricultural Technology towards Poverty Alleviation*. Beliau menyatakan bahawa isu kemiskinan bukanlah suatu isu yang baharu, malah ia merupakan perkara yang sentiasa dibincangkan di peringkat kerajaan. Di Tanzania, hampir 4.1% orang penduduk hidup dalam kemiskinan.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini telah berjalan dengan lancar dan berjaya. Malahan kami telah menerima maklum balas yang positif daripada para peserta di peringkat antarabangsa. Pusat CIC mengharapkan agar ilmu dan maklumat yang diperolehi sepanjang berlangsungnya program ini dapat dimanfaatkan sebaiknya di peringkat dalam negara bagi peserta di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa.

APA KATA PESERTA YANG HADIR?

I would like to say deeply thanks to the organiser because of inviting me to join this informative webinar. I gained knowledge and experience from all the speakers, thank you! Cooperative Institute of Malaysia (IKMa).

Ms. Theingi
Managing Director
Linn Shwe Wah Integrated Farming
Production Cooperative Society Ltd.
Myanmar

This is to express gratitude to the Organizer, Facilitators and Speakers during the Webinar. The idea of empowering Cooperatives through agricultural technology and smart agricultural practices will be helpful in our present farm activities which I am presently managing. Also the idea of involving the youth as new generation of manpower for sustainable farming i believe will be favorable not only for their own family but to the community as well.

Ms. Pelyn A. Onquit
Farm Manager
Multi Agri-Forest and Community
Development Cooperative
Philippines

Thank you so much for organized this Webinar! I am happy to join this program that presented from 3 counties and gained knowledge on the challenges and get opportunities and technological solutions on good agricultural practices.

Ms. Kamonwan Nuchai
Lamphun Provincial Cooperative
Thailand



Gambar peserta-peserta yang hadir

Seminar Penguatan Pendapatan Koperasi Menerusi Penglibatan dalam Sektor Hartanah

Maryam Hamidah Mohd Ghazi
maryam.hamidah@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur



Perasmian penutup seminar dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa)



Peserta seminar bergambar bersama-sama dengan Ketua Pengarah IKMa dan panel penceramah

Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) merupakan strategi jangka panjang negara dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan (entrepreneurial nation) yang unggul menjelang tahun 2030. Dasar ini akan bertindak sebagai pemangkin kepada pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah serta terus membangun secara mapan dengan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan inklusif. Objektif utama yang telah ditetapkan di bawah DKN antaranya adalah mempertingkatkan keupayaan

koperasi di mana gerakan koperasi dilihat antara penyumbang dalam pembangunan negara dan salah satu bidang yang diberi tumpuan adalah Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan yang dijangka dapat memberikan sumbangan signifikan terhadap nilai pemilikan aset dan perolehan koperasi.

Justeru, dalam memperkasakan lagi aktiviti hartanah dan industri pembinaan kepada setiap koperasi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur telah mengadakan Seminar “Penguatan Pendapatan Koperasi Menerusi Penglibatan Dalam Sektor Hartanah” di Hotel Avillion, Cameron Highlands, Pahang. Program dua hari satu malam ini bermula pada 26 September 2022 jam 3.00 petang sehingga 27 September 2022 jam 2.00 petang. Sambutan yang amat

menggalakkan dan kehadiran seramai 95 orang peserta yang terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Pengurusan dan Kakitangan Koperasi serta anggota koperasi di negeri Pantai Timur, adalah sangat di luar jangkauan.

Program ini dibahagikan kepada empat sesi iaitu sesi pertama bersama Pengarah Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), sesi kedua bersama Konsultant (SME IKMa), sesi ketiga bersama Pengerusi Federasi Koperasi Hartanah & Industri Pembinaan Malaysia Berhad dan sesi terakhir perkongsian pengalaman bersama KOWAMAN. Sesi pertama bersama (NAPIC) dimulakan oleh Sr. Aina Edayu binti Ahmad, Pengarah Pusat Maklumat Harta Tanah Negara dengan ceramah bertajuk Pasaran Hartanah Terkini: Naik, Turun atau



Panel bagi sesi ketiga, YBhg. Datuk Azih bin Muda selaku Pengerusi Federasi Koperasi Hartanah & Industri Pembinaan Malaysia Berhad

Statik. Antara perkongsian dalam sesi beliau adalah aktiviti pasaran hartanah terkini di Malaysia berserta dengan statistik daripada NAPIC mengikut negeri-negeri di Malaysia. Statistik yang dikongsi adalah yang semasa dan terkini di Malaysia iaitu bilangan harta tanah kediaman, bilangan harta tanah komersial, harta tanah industri dan harta tanah pertanian. Selain itu, beliau juga berkongsi berkaitan trend penawaran dan penghunian bagi inventori harta tanah kediaman, kedai, pangsapuri khidmat, SOHO, industri, hotel, kompleks beli belah dan pejabat binaan khas. Status pasaran harta tanah kediaman baharu dilancar, kediaman siap dibina tidak terjual dan Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) juga dibincangkan.

Sesi kedua seminar ini pula diteruskan oleh Encik Mohammed Nazree Shah bin Anwar Shah selaku Konsultan (SME IKMa) di mana beliau berkongsi berkaitan gambaran keseluruhan keadaan semasa hartanah di Malaysia

dari segi reka bentuk menggunakan teknologi terkini dan cabaran yang di hadapi dalam proses pembinaan. Selain itu, penerangan berkaitan insentif kerajaan kepada golongan sasaran yang akan membeli hartanah dan jenis-jenis hartanah yang menjadi permintaan pada masa kini juga dibincangkan.

Bagi sesi ketiga bersama Pengerusi Federasi Koperasi Hartanah & Industri Pembinaan Malaysia Berhad, YBhg. Datuk Azih bin Muda, membentangkan kertas kerja bertajuk Hala Tuju Federasi Koperasi Hartanah. Beliau memfokuskan ceramahnya dengan menjelaskan tentang fungsi dan peranan Federasi Koperasi Hartanah dan aktiviti serta kebaikan bagi koperasi yang telah dan akan menjadi anggota federasi koperasi. Selain itu, beliau juga membentangkan pelan strategik koperasi untuk masa akan datang yang menyasarkan untuk perkembangan ekonomi koperasi dengan antaranya menjalankan

projek hartanah sedia ada dan yang bakal dilaksanakan.

Program diakhiri dengan sesi perkongsian pengalaman oleh Koperasi Warisan Keluarga Othman Kuala Terengganu Berhad (KOWAMAN). Tuan Haji Zulhazmi bin Othman selaku Pengerusi Koperasi telah menceritakan bagaimana permulaan koperasi dalam menjalankan aktiviti hartanah dan cabaran-cabaran yang telah dilalui untuk koperasi sampai ke peringkat sekarang. Selain itu, beliau juga berkongsi berkaitan perancangan aktiviti akan datang koperasi iaitu menjalankan aktiviti perniagaan jual beli emas dengan membuka sebuah kedai emas di Kuala Terengganu. Perasmian penutup seminar ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa).

Secara keseluruhannya, program ini mencapai objektif yang disasarkan. Koperator telah didedahkan dengan peluang dan ruang yang wujud dalam gerakan koperasi bagi meningkat dan mengukuhkan pendapatan koperasi melalui bidang hartanah dan memberi kesedaran kepada koperasi tentang pentingnya untuk menjalin kerjasama strategik bersama agensi-agensi dan koperasi yang berkaitan dengan sektor hartanah dan industri pembinaan. Diharap IKMa Zon Timur dapat menganjurkan program-program seumpama ini lagi di masa akan datang. Tahniah!

Menjana Pendapatan Koperasi Melalui Industri Agromakanan

Norawati Ngatmin

norawati@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah

Sistem makanan secara berterusan memainkan peranan yang penting dalam masyarakat manusia yang memastikan pemakanan harian dan fisiologi asas bagi kemandirian manusia dipenuhi. Sebagaimana dengan negara lain, sistem makanan Malaysia beroperasi atas asas sektor agromakanan yang bercirikan jaringan yang kompleks antara berbilang penggerak dengan profil, tanggungjawab, kepentingan dan kepakaran yang berbeza. Ia berfungsi sebagai suatu industri pengeluaran makanan mempunyai impak yang signifikan daripada peringkat tertinggi mengalir ke akar umbi semua masyarakat. Dengan ekonomi dunia beralih kepada landskap yang sentiasa dinamik lagi kompetitif, ketika mengalami tekanan pandemik global yang telah dan seterusnya akan mengganggu aktiviti ekonomi dan juga punca pendapatan individu, keadaan sekuriti makanan kini merupakan satu daripada tumpuan utama yang akan benar-benar mempengaruhi pembangunan jangka panjang negara.


Bertitik tolak itu, pada 13 September 2022 (Selasa) secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom Webinar IKMa Zon Sabah telah mengadakan seminar bagi memberi pendedahan kepada peserta untuk menceburi industri agromakanan khususnya penternakan ayam, secara tidak langsung dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan pengeluaran makanan demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Pengisian program seminar ini melibatkan empat sesi ceramah; sesi pertama disampaikan oleh Dr. Robert Paulis, Penolong Pengarah Kanan Seksyen Monogastrik, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sabah tentang peranan jabatan perkhidmatan veterinar dalam memperluaskan saiz pasaran dan meningkatkan pendapatan pengeluar produk agromakanan khususnya penternakan ayam.


Seterusnya, sesi kedua disampaikan oleh Puan Nurzuraidah Abdul Majis, Penolong Pengurus DESA Hatchery Sdn. Bhd. dengan tajuk pemrosesan Ayam Pedaging (Broiler). Pelbagai input dikongsi beliau berkaitan kaedah pemrosesan ayam pedaging mengikut prosedur ditetapkan kerajaan. Sesi ketiga pula, disampaikan oleh Ustazah Hafizah Abdul Halim, Penolong Setiausaha, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS Halal Hub) membincangkan keperluan Sijil Halal dan Bagaimana Memperolehinya. Sesi terakhir disampaikan oleh Puan Anasty Majus, Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Koperasi Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Sabah (SKM). Topik dibincangkan berkaitan Tabung Modal Pusingan Khususnya Tabung Agromakanan.

Seminar ini dihadiri peserta secara dalam talian seramai 168 orang dan telah disempurnakan majlis perasmian penutupan oleh YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli Mat Hassan, Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa. Justeru, penganjuran seminar ini diharap dapat memberi inspirasi dan

suntikan baharu dalam perniagaan koperasi dan secara tidak langsung dapat membantu memastikan cabaran kos sara hidup ditangani sebaik mungkin serta memangkinkan peranan koperasi dalam menjamin keselamatan makanan.




Sesi 1 - Ceramah dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar oleh Dr. Robert Paulis



Sesi 2 - Ceramah dari DESA Hatchery Sdn. Bhd. oleh Puan Nurzuraidah Abdul Majid



Sesi 3 - Ceramah dari MUIS Halal Hub oleh Ustazah Hafizah Abdul Halim



Peserta seminar dalam talian



Pusat Pendidikan Tinggi telah mengadakan majlis perasmian dan pendaftaran program Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi (SESKo) pada 1 Ogos 2022 yang lalu. Objektif program sijil ini adalah untuk memberikan tumpuan khusus kepada pemerkasaan setiausaha koperasi serta memberi penekanan dari segi perundangan terhadap tugas, tanggungjawab serta tatacara amalan terbaik setiausaha koperasi. Program ini telah berjaya menarik minat seramai 25 orang peserta untuk mendaftar di mana 16 orang hadir ke majlis perasmian ini serta sembilan orang lagi hadir secara dalam talian. Mereka terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) serta anggota koperasi.

Program yang berlangsung hampir empat jam bermula jam 9 pagi sehingga 1 petang ini dirasmikan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan (TKPMI), Institut Koperasi Malaysia, IKMa. Encik Shebley Haslan bin Abdul Majid, Pengarah Kanan Bahagian Perundingan Koperasi (BPK), IKMa turut hadir ke majlis tersebut bersama-sama dengan beberapa tenaga pengajar SESKo.

Usai sesi pendaftaran dan majlis perasmian, program diteruskan dengan taklimat SESKo yang disampaikan oleh Puan Arfizawati binti Abd. Hadi, Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi (PPT) serta taklimat dan “Tour IKMa” yang dibawakan oleh Encik Amiruddin bin Muhamad Salim dari Unit Fasiliti & Sajian. Sesi kaedah pembelajaran SESKo mengakhiri program pada hari tersebut, di mana peserta diajar dengan menggunakan aplikasi *Google Classroom*, *Google Meet*, *Google Calendar* dan *Google drive* yang disampaikan oleh Encik Intiran a/I Harikrishnan dan Encik Hamzi Fathul Zulfaqar bin Muhamad, Pegawai Latihan dari IKMa.

Secara keseluruhannya, diharap program SESKo ini dapat memberi manfaat kepada 25 peserta serta mencapai matlamat penganjurannya, bukan sahaja sekadar memberi pendedahan tetapi juga dapat meningkatkan pengetahuan para peserta mengenai tugas dan tanggungjawab setiausaha agar dapat digunakan dalam menguruskan koperasi dengan baik.

Majlis Taklimat dan Perasmian Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi (SESKo)

Nur Syazwani Zainul Abidin
nursyazwani@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi



Peserta SESKo sesi 2022



Para peserta bergambar bersama Encik Mohd Zaib serta tenaga pengajar SESKo



Peserta dibawa ke Perpustakaan Tan Sri Noh Omar

Pengurusan Sumber Manusia Secara Efektif

Mohamad Haniff Mohamad Hashim
haniff@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan


Kursus Pengurusan Sumber Manusia Secara Efektif telah berlangsung pada 4 Julai 2022. Program dijalankan secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom. Program ini telah dihadiri seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada koperator seluruh Negara. Objektif kursus ini ialah untuk memberi kefahaman dalam mengurus sumber manusia, memberi pendedahan perundangan berkaitan sumber manusia dan memberi pendedahan mengenal pasti proses dalam setiap peringkat pengurusan sumber manusia.

Walaupun kursus ini hanya memakan masa satu hari, terdapat enam subtopik terkandung dalam silibus kursus ini. Subtopik tersebut ialah pengenalan dan konsep kepada pengurusan sumber manusia, akta dan isu perundangan sumber manusia, pengambilan dan pemilihan pekerja, pembangunan latihan dan kerjaya pekerja, penilaian prestasi dan, ganjaran dan motivasi. Antara topik yang menjadi perhatian peserta ialah berkenaan isu pelaksanaan gaji minimum dan impaknya ke atas koperasi.

Taklimat dimulakan dengan pengenalan dan konsep pengurusan sumber manusia. Taklimat disampaikan oleh Encik Mohamad Haniff Hashim, Pegawai Latihan Pusat Pengurusan Perniagaan IKMa. Taklimat dimulai dengan perkara asas seperti definisi, peranan dan kepentingan mengetahui pengurusan sumber manusia kepada koperasi. Kemudian, taklimat diteruskan dengan akta dan isu perundangan sumber manusia, pengambilan dan pemilihan pekerja, dan pembangunan latihan dan kerjaya pekerja. Taklimat disampaikan oleh Encik Rhymie bin Mohd Ramli, Penolong Kanan Pengarah di Jabatan Tenaga Kerja. Banyak perkara dibincangkan dalam taklimat ini meliputi perkara seperti gaji minimum, etika kerja, akta buruh dan sebagainya.

Pada sebelah petang pula, taklimat yang disampaikan ialah berkaitan topik penilaian prestasi, dan ganjaran dan motivasi. Taklimat disampaikan oleh Encik Mohd Sazuan bin Abdul Hadi, Pegawai Strategik Korporat, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Penerangan meliputi aspek bagaimana menilai prestasi pekerja, sistem ganjaran pekerja dan turut menyentuh berkenaan skim perlindungan dan faedah-faedah yang ditawarkan PERKESO.

Secara keseluruhannya, peserta dapat memperoleh banyak pengetahuan dan maklumat berkaitan pengurusan sumber manusia. Peserta berpuas hati dengan kursus ini kerana ia banyak menyentuh perkara dan isu yang hangat diperkatakan seperti faedah perlindungan, pelaksanaan gaji minimum, perbincangan berkaitan akta buruh dan sebagainya. Diharap peserta dapat mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam koperasi mereka pada kemudian hari.



Encik Mohd Sazuan dari PERKESO sedang memberikan taklimat kepada peserta



Encik Rhymie dari Jabatan Tenaga Kerja sedang memberikan taklimat



Peserta sedang fokus mendengar taklimat berkaitan pembangunan produk

Kursus Pembangunan Produk Tingkatkan Kualiti Produk Koperasi

Mohamad Haniff Mohamad Hashim
haniff@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan

Kursus Pembangunan Produk Koperasi telah berlangsung pada 23 Jun 2022. Program dijalankan secara bersemuka bertempat di Hotel Best Western, Shah Alam. Program ini telah dihadiri seramai 25 orang peserta yang terdiri daripada koperator di sekitar Lembah Klang. Objektif kursus ini ialah untuk memberi kefahaman kepada peserta proses membangunkan produk, kepentingan mempunyai pensijilan produk, syarat pengeluaran sijil dan kepentingan mendaftarkan produk koperasi. Aspek tersebut penting bagi membolehkan koperasi mempunyai produk yang mempunyai kualiti yang baik dan diyakini oleh orang ramai. Hal ini juga membolehkan koperasi mengeksport produk mereka ke luar negara dengan adanya sijil yang diperakukan.

Taklimat disampaikan oleh Encik Ramli bin Man, pakar produk pengeluaran makanan. Inti pati taklimat ini ialah berkaitan dengan proses yang diperlukan bagi membangunkan produk agar produk mereka diyakini sehingga boleh diekspor ke luar negara. Ia dimulai dengan proses pembangunan produk, pensijilan, pembungkusan dan pendaftaran produk. Taklimat dimulai dengan faktor yang diambil kira bagi mengeluarkan produk dibangunkan oleh koperasi. Ia bergantung kepada

kapasiti pekerja, mesin, bahan pengeluaran dan lain-lain.

Penceramah seterusnya menekankan aspek pensijilan meliputi proses, kriteria dan perbezaan sijil untuk mengeluarkan produk. Antara sijil yang diberi penekanan dalam ceramah ialah sijil HALAL, Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (Mesti), Good Manufacturing Practice (GMP), dan Hazard Analysis Critical Control Certification (HACCP). Taklimat seterusnya berkaitan pembungkusan produk. Pembungkusan produk penting bagi membolehkan produk kita tahan lebih lama dan boleh digunakan dalam keadaan selamat. Penceramah juga menekankan aspek pendaftaran produk kerana tanpa pendaftaran, secara asasnya barangan yang dikeluarkan kita boleh ditiru oleh orang lain. Pendaftaran produk boleh dibuat di Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO).

Pada akhir pembelajaran kursus ini, peserta dapat memperoleh banyak pengetahuan dan maklumat berkaitan pembangunan produk. Ramai peserta yang membawa produk mereka untuk mendapat khidmat nasihat secara terus daripada penceramah dalam aspek pensijilan, pembungkusan dan pandangan berkaitan produk mereka. Diharap peserta dapat memperoleh manfaat dan berjaya menambah baik kualiti produk mereka pada kemudian hari.



Encik Ramli Man sedang memberikan taklimat kepada peserta

Kursus Tadbir Urus dan Business Model Canvas (BMC) Koperasi

Mohamad Haniff Mohamad Hashim

haniff@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan

Kursus Tadbir Urus dan Business Model Canvas (BMC) telah berlangsung pada 19-20 Mei 2022. Program dijalankan secara bersemuka bertempat di Hotel Crown Garden, Kota Bharu, Kelantan. Program telah dihadiri seramai 15 orang peserta yang terdiri daripada dua koperasi di sekitar Negeri Kelantan. Objektif kursus ini ialah untuk memberi kefahaman dan kemahiran kepada peserta akan pentingnya tadbir urus koperasi yang baik dan kepentingan BMC kepada pengurusan dan perniagaan koperasi. Koperasi yang terlibat ialah Koperasi Penternak Akuakultur Pantai Kundur Kelantan Berhad dan Koperasi Pembangunan Wakaf Bharu Berhad.

Program dua hari ini disampaikan oleh Pegawai Latihan IKMa. Taklimat dimulai dengan tadbir urus koperasi yang disampaikan oleh Encik Mohamad Haniff Hashim, Pegawai Latihan Pusat Pengurusan Perniagaan IKMa. Kemudian, taklimat diteruskan dengan Business Model Canvas disampaikan oleh Ketua Cawangan

Terengganu, Cik Norsyeirawani Shari. Kedua-dua koperasi telah membuat kerja berkumpulan bagi menghasilkan BMC koperasi dan perniagaannya. Ini sedikit sebanyak membantu koperasi mengenal pasti jenis pelanggan, jenis pembekal, aktiviti pengeluaran, kos terlibat dan lain-lain berkaitan koperasi dan perniagaannya.

Di akhir pembelajaran kursus ini, peserta dapat memperoleh banyak pengetahuan dan maklumat berkaitan tadbir urus dan BMC. Kursus ini juga membantu koperasi sekiranya mereka bercadang terlibat dengan perniagaan baharu pada masa akan datang. Diharap kesemua peserta dapat memperoleh manfaat kerana hadir ke kursus ini.



Penceramah IKMa (tengah) dan peserta yang terlibat dalam kursus Tadbir Urus dan BMC Koperasi

Bicara Profesional

Audit Patuh Syariah dalam Koperasi

Julizah Sabtu
julizah@ikma.edu.my
Pusat Kewangan dan Akaun

Tadbir urus yang baik dalam koperasi merupakan perkara utama yang dititikberatkan bukan sahaja kepada koperasi malahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang bertindak sebagai pihak berkuasa koperasi turut sama dalam menguatkuasakan tadbir urus yang baik. Ia dibuktikan dengan kewujudan Garis Panduan 27 berkaitan tadbir urus oleh pihak SKM. Antara perkara yang perlu diambil perhatian dalam koperasi adalah dengan melantik Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) yang berkecuali dan berpengalaman dapat memantapkan tadbir urus sehingga mencapai objektif koperasi yang ditetapkan. Peranan JAD yang baik adalah dapat menyemak dan menambah baik koperasi berdasarkan penggunaan sumber yang cekap dan berkesan. Selain daripada SKM, IKMa di bawah Pusat Kewangan & Akaun (PKA) yang bertindak sebagai badan yang memberikan latihan dan pendidikan kepada warga koperasi juga terus memantapkan tadbir urus. Hal ini dibuktikan dengan mengadakan program tadbir urus secara berterusan dan salah satu program yang berkaitan tadbir urus ialah program Bicara Profesional yang bertajuk Audit Patuh Syariah. Program yang diadakan pada 20 Julai 2022 adalah secara dalam talian (talian Zoom). Program yang dihadiri oleh penceramah berpengalaman iaitu Dr. Hj Razli bin Ramli, merupakan salah seorang pensyarah kanan daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan ia juga merupakan salah seorang ahli Jawatankuasa Syariah daripada IBFIM.

Program yang dihadiri seramai 120 orang daripada pelbagai saiz koperasi telah memberi pendedahan kepada koperasi tentang tadbir urus syariah selain dapat memperkukuh pengurusan risiko, kestabilan dan integriti sistem kewangan Islam dalam koperasi. Pendedahan tersebut merangkumi konsep audit syariah, pelaksanaan audit syariah dalam koperasi, isu dan

cabaran dalam audit syariah dan kesan audit syariah ke atas tadbir urus koperasi. Pendedahan tersebut amat bersesuaian dengan objektif yang telah ditetapkan oleh program iaitu mendedahkan kepada peserta tentang konsep dan pelaksanaan audit syariah dalam koperasi serta melengkapkan diri dengan pengetahuan asas berkaitan audit syariah sebelum mengikuti program lanjutan berkaitan sistem kewangan Islam. Secara rumusnya dapat dilihat program ini bukan sahaja dapat mendedahkan kepentingan audit syariah kepada koperasi tetapi ia juga membantu dalam kerja-kerja mengaudit produk Islamik dan secara tidak langsung dapat membantu golongan B40.



Para peserta yang menyertai program Bicara Profesional



Bergambar kenangan bersama penceramah Dr. Hj Razli bin Ramli

Bicara Ketua Eksekutif: Pesona Mencipta Jaya

Hasrin Abu Hassan
hasrin@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan



Para peserta Bicara Ketua Eksekutif bergambar bersama dengan YBhg. Tan Sri Dato' Sri Syed Zainal Abidin bin Syed Mohamed Tahir



YBhg. Tan Sri Dato' Sri Syed Zainal Abidin bin Syed Mohamed Tahir sedang memberi ceramah

Program Bicara Ketua Eksekutif (CEO Talk) telah diadakan pada 15 Ogos 2022 yang lalu bertempat di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur. Seramai 180 orang peserta yang terdiri daripada pengarah, pengurus besar dan pengurusan tertinggi 100 koperasi terbaik di Malaysia telah menghadiri program tersebut. Program kali ini menampilkan YBhg. Tan Sri Dato' Sri Syed Zainal Abidin bin Syed Mohamed Tahir selaku penceramah. Kecemerlangannya bersama kumpulan GLC (Government-Link Company) dan

korporat seperti PETRONAS, HICOM, PERODUA, Proton, RHB dan lain-lain lagi mengangkat nama beliau selaku individu yang disegani di Malaysia. Terkini beliau merupakan Pengarah Urusan, Kumpulan Dagang NeXchange Berhad.

Objektif program Bicara Ketua Eksekutif ini adalah untuk memberi pendedahan berkaitan strategi dalam memperkukuhkan perniagaan. Selain itu para peserta juga dapat mengetahui isu-isu dan cabaran perniagaan terkini di Malaysia melalui sesi ceramah tersebut. Program selama dua jam ini juga memberi ruang kepada penceramah untuk berkongsi pengalaman, idea dan kreativiti beliau sepanjang penglibatannya dalam perniagaan dan dunia korporat.

Antara inti pati ceramah yang disampaikan ialah penceramah memfokuskan kepada dua aspek utama iaitu memahami suasana yang

sedang dihadapi dan juga berkenaan gaya kepimpinan yang perlu dalam organisasi. Beliau memaklumkan semua organisasi dalam dunia berhadapan dengan suasana atau zaman yang sentiasa berubah dengan cepat. Maka, gerakan koperasi juga tidak terkecuali menghadapi situasi sebegini. Antaranya adalah seperti:

- i. **Ketidaktentuan Pasaran (Market Uncertainty)** - Ketidaktentuan pasaran pada masa kini mengganggu aktiviti perniagaan terutamanya apabila menghadapi krisis global. Contohnya ketika dunia menghadapi ancaman COVID-19.
- ii. **Kelakuan Pelanggan (Customer Behaviour)** - Kelakuan pelanggan yang telah berubah mengikut situasi semasa. Contohnya, kelakuan pelanggan yang suka melakukan urusan dalam talian.
- iii. **Kos Operasi Meningkat (Rising of Cost)** - Ketua organisasi perlu memahami setiap kos operasi

perniagaan yang terlibat secara terperinci dan melakukan pemantauan.

iv. Gangguan Teknologi (Technology Disruption)

- Perniagaan perlu bergerak selaras dengan perkembangan teknologi yang makin berkembang.

v. Global/Regional Crisis - Krisis yang dihadapi oleh dunia akan memberi kesan kepada perniagaan. Contohnya krisis pandemik COVID-19 dan peperangan antara Ukraine dan Rusia.

Justeru, perniagaan perlu disusun atur semula dari segi strategi dan perancangan perniagaan; melihat kembali proses perniagaan; memahami pelanggan sedia ada; mengkaji semula kos operasi yang terlibat; dan menstrukturkan organisasi dan kakitangan mengikut kesesuaian. Manakala gaya kepimpinan ketua dalam sesuatu organisasi perlu mengamalkan beberapa pendekatan supaya perubahan menjadi lebih efektif. Antara tip-tip yang dikongsi adalah seperti:

i. Quality 1: Walk the talk & spend time on the ground - Seseorang pemimpin perlu bertindak seperti yang dimaklumkan kepada kakitangannya.

ii. Quality 2: Daring to make difficult decisions - Pemimpin perlu berani membuat keputusan ketika saat getir.



Sesi soal jawab bersama peserta

iii. Quality 3: Able to give instruction with guidance -

Pemimpin berkebolehan memberi pandangan dan dapat menunjuk cara melaksanakannya kepada kakitangan.

iv. Quality 4: Able to inspire & motivate other - Pemimpin yang baik mampu mempengaruhi dan menjadi inspirasi kepada kakitangan.

v. Quality 5: Willing to learn from other - Pemimpin perlu bersifat terbuka untuk menerima dan belajar benda baru daripada orang lain.

vi. Quality 6: Effective communication - Pemimpin perlu mempunyai kebolehan untuk berkomunikasi dan menjadi pendengar yang baik.

vii. Quality 7: Discipline in time management - Pemimpin perlu disiplin dalam pengurusan masa.

viii. Quality 8: Focus - Pemimpin perlu fokus dalam semua aspek yang penting supaya memperoleh hasil yang jelas dalam perniagaan serta sentiasa berada di landasan yang betul.

Beliau juga menekankan sebagai pemimpin organisasi yang mengemudi sesuatu perniagaan, mereka perlu jelas visi yang hendak dicapai; mempunyai sasaran pencapaian yang perlu dicapai; melaksanakan penambahbaikan secara berterusan; memperbaiki kesilapan yang dilakukan; menambah dan berkongsi ilmu dengan orang di sekeliling; dan selainnya mengurus dan membangunkan potensi kakitangan.

Selanjutnya sebagai pemimpin perlu mempunyai karakter yang bersifat holistik iaitu mempunyai sifat bertimbang rasa, menghormati pandangan lain, prihatin kepada masyarakat sekeliling, sentiasa bersyukur dengan apa yang diperolehi dan menyayangi keluarga agar sentiasa mendapat sokongan padu dalam segala urusan yang dilakukan.

Secara keseluruhannya, program ini telah membuka minda para koperator bagi memastikan perniagaan koperasi sentiasa berkembang maju ke hadapan. Oleh yang demikian, IKMa sebagai institusi latihan dan pendidikan koperasi akan terus peka kepada program-program yang sesuai dengan persekitaran bagi membantu gerakan koperasi dengan ilmu-ilmu yang berguna untuk lebih berdaya maju, berdaya saing, kreatif dan inovatif.

Pemantapan Perniagaan Melalui *Content Marketing* Padu

Nur Fatin Shazwani Ahmad
nurfatinshazwani@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak


Pelbagai jenis taktik pemasaran digunakan oleh para usahawan pada masa kini. Namun, *content marketing* harus menjadi sebahagian daripada proses dan bukan sesuatu yang berasingan. *Content* yang berkualiti merupakan sebahagian daripada semua bentuk pemasaran yang diaplikasikan oleh usahawan. Tema “Mantapkan Perniagaan melalui *Content Marketing* Padu” diketengahkan kerana *content marketing* dilihat sebagai satu kriteria yang perlu ada dalam setiap perniagaan dalam memastikan perniagaan sedia ada dikenali di mana *content marketing* dikatakan mampu membawa kepada hala tuju produk yang diniagakan atau perkhidmatan yang ditawarkan untuk dikenali ramai. Ekoran daripada kesedaran ini, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak mengambil inisiatif untuk menganjurkan Program Bicara Ilmu sempena Promosi Program ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MASKOP) 2022 pada 24 Mei 2022 (Selasa) secara maya melalui aplikasi Zoom dengan membuat pendedahan mengenai kepentingan *content marketing* dalam memantapkan perniagaan.

Program Bicara Ilmu ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai kepentingan

content marketing dalam usaha memantapkan perniagaan koperasi serta memberi penekanan berkenaan bentuk-bentuk *content marketing* yang bersesuaian sebagai kaedah mempromosikan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Penekanan mengenai kepentingan *content marketing* dalam memantapkan perniagaan serta menekankan beberapa bentuk *content marketing* yang sesuai dalam mempromosikan produk atau perkhidmatan turut dikupas secara eksklusif oleh penceramah jemputan melalui aplikasi platform Zoom.

Eksklusifnya program Bicara Ilmu kali ini, pihak Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak bawakan secara maya melalui platform Zoom bersempena Program Promosi Ke

Arah Memasyarakatkan Koperasi juga membawakan sesi bersama pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) untuk turut serta dalam mengetengahkan peranan mereka dalam memasyarakatkan koperasi di samping penceramah jemputan, Tuan Mohd Firdaus Jailan daripada ABS Digital Media Sdn Bhd untuk berkongsi pandangan mengenai pemantapan perniagaan melalui *content marketing* padu. Program ini telah menarik 250 penyertaan dari seluruh Sarawak memandangkan ia dijalankan secara maya melalui platform Zoom. Program seumpama ini juga akan memberi maklumat berkenaan program-program yang akan dijalankan sepanjang tahun 2022.



Sebahagian peserta program Bicara Ilmu “Mantapkan Perniagaan Melalui *Content Marketing* Padu” Sempena Program ke Arah Memasyarakatkan Koperasi 2022



Peserta bengkel bergambar bersama SME IKMa

Bengkel Potensi dan Peluang dalam Sektor Hartanah & Industri Pembinaan

Malesa Shela Ta'yib
malesa@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur dengan kerjasama Sektor Hartanah IKMa Petaling Jaya telah mengendalikan Bengkel Potensi dan Peluang dalam Sektor Hartanah & Industri Pembinaan pada 23 – 24 Julai 2022 bertempat di Hotel Ibis Style Kota Bharu, Kelantan. Bengkel yang berlangsung selama dua hari satu malam ini telah disertai oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan pengurusan dari dua buah koperasi iaitu Koperasi Peserta-peserta Felcra Gual Dalam Berhad dan Koperasi Guru-guru Wanita Melayu Kelantan Berhad. Kedua – dua koperasi ini merupakan koperasi yang berada dalam program Million Ringgit Coop League (MiRiCLE) di bawah seliaan IKMa Zon Timur.

Program MiRiCLE yang disertai oleh koperasi ini membimbing koperasi dengan memberi nilai tambah dalam aspek perniagaan. Khidmat rundingan pakar industri yang disediakan

oleh IKMa adalah secara ilmiah dan menjurus kepada praktikal di lapangan. Lawatan ketapak tanah milik koperasi telah dibuat bersama pakar industri Encik Mohammed Nazree Shah bin Anwar Shah, Konsultan (SME IKMa) dan Sektor Hartanah sebelum bengkel ini dijalankan. Tujuan utama bengkel ini dijalankan adalah untuk memberi kefahaman kepada ALK dan pengurusan koperasi mengenai potensi dan peluang yang boleh diceburi oleh koperasi dalam bidang hartanah dan industri pembinaan serta perkara-perkara yang terlibat dalam pengurusan hartanah pada masa kini.

Semasa sesi berlangsung, koperasi berkongsi berkaitan status projek hartanah yang sedang dijalankan. Mereka turut mengenal pasti permasalahan berkaitan yang berlaku yang menyebabkan projek hartanah tidak dapat dijalankan serta berbincang dengan lebih dekat

dengan konsultan Encik Mohammed Nazree. Hasil daripada perbincangan koperasi dan konsultan dalam bengkel ini telah membuka minda dan memberi idea baru kepada koperasi bagi membangun dan memulakan semula projek hartanah yang tergendala semasa pandemik COVID-19 sebelum ini. Dengan bimbingan konsultan SME IKMa koperasi lebih yakin untuk bergerak dalam projek masing-masing.

Secara keseluruhannya, bengkel hartanah ini telah berlangsung dengan jayanya. IKMa Zon Timur mengucapkan tahniah kepada semua 26 orang ALK dan pengurusan koperasi yang memberikan komitmen sepenuhnya sepanjang bengkel ini berlangsung. Segala perkongsian pengalaman dan maklumat oleh konsultan SME IKMa diharap memberi cabang idea kepada koperasi untuk terus maju dalam sektor hartanah.

Bina Jenama Sendiri

Mohamad Haniff Mohamad Hashim

haniff@ikma.edu.my

Pusat Pengurusan Perniagaan



Ucapan perasmian oleh Puan Sri Datin Seri Noraesyah binti Saari, Pengarah Kanan BKP

Satu program Bicara Ilmu bertajuk “Bina Jenama Sendiri” anjuran Pusat Pengurusan Perniagaan telah diadakan di Mardhiyyah Hotel and Suites, Shah Alam pada 6 Oktober 2022. Program ini telah dihadiri seramai 130 orang koperator dan usahawan yang kebanyakannya dari Lembah Klang. Objektif penganjuran bicara ilmu ini adalah bagi memberi kesedaran dan pengetahuan berkaitan bagaimana untuk membina produk menggunakan logo tersendiri. Dua orang penceramah telah dijemput bagi memberi taklimat berkaitan jenama dan kaedah membangunkan produk. Upacara perasmian telah disempurnakan oleh Puan Sri Datin Seri Noraesyah binti Saari, Pengarah Kanan Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan.

Ceramah pertama disampaikan oleh Encik Mohd Razlan bin Hj Abd Hamid iaitu Pengarah Unit Pendengaran Ex-Parte, Cap Dagangan dan Petunjuk

Geografi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Tajuk ceramah beliau ialah “Kepentingan Jenama dan Cap Dagangan”. Beliau telah berkhidmat bermula tahun 1992 di MyIPO. Banyak perkara menarik yang disentuh oleh penceramah seperti paten, reka bentuk perindustrian, hak cipta, petunjuk geografi, cap dagangan dan sebagainya. Ceramah beliau juga memberikan fokus dan perincian kepada jenis, kepentingan, elemen dan hak eksklusif berkaitan cap dagangan.

Ceramah kedua disampaikan oleh Encik Fahain Hatim bin Salim yang merupakan Ketua Bahagian Pemasaran, UMZ Bioline Manufacturer Sdn Bhd. Syarikat ini merupakan sebuah kilang yang mengeluarkan produk menggunakan jenama sendiri seperti kosmetik, minuman kesihatan, ubat tradisional dan lain-lain. Kilang ini bertaraf GMP dan

mempunyai pensijilan yang menjadi sebahagian daripada pengiktirafan halal OEM dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Antara produk kosmetik yang dikeluarkan adalah seperti gincu, sabun bar dan losen. Selain itu, bagi ubatan tradisional pula, produk dikeluarkan merangkumi krim selulit, ubat sakit gigi, kurap dan lain-lain. Jenis produk berasaskan minuman pula ialah seperti kopi, koko dan serbuk teh. Dengan penganjuran program ini diharap dapat mempertingkatkan pengeluaran produk oleh koperator dan usahawan seluruh Malaysia.



Booth yang dibuka oleh UMZ Bioline



Peserta Bicara Ilmu Bina Jenama Sendiri

Kursus Pengurusan Rekod Fail yang Efektif

Dinah Nabilah Mokhtaruddin
dinah@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan



Pembentangan kerja kumpulan

Pada 11 – 13 Oktober 2022, bertempat di Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Petaling Jaya, Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP) telah menganjurkan Kursus Pengurusan Rekod Fail yang Efektif. Kursus ini diadakan untuk memberi kefahaman tentang teknik menyenggara sistem rekod fail koperasi dengan teratur


dan pendedahan kepada para peserta dalam teknik merekod dokumen secara dalam talian.

Antara inti pati yang dibuat sepanjang kursus ini berlangsung adalah pengurusan surat menyurat (surat rasmi) dan apakah maksud rekod dan pengurusan rekod. Sistem fail yang diajar oleh Puan Noranita binti Mohd Nor, Pengarah Pusat Pengurusan Perniagaan adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta tentang bagaimana cara untuk membuat nombor pendaftaran fail dan apakah fungsi-fungsi setiap pegawai yang dilantik untuk menjaga bahagian pendaftaran fail. Bukan itu sahaja, peserta juga diberi peluang untuk melihat contoh-contoh fail yang biasa digunakan dalam sektor kerajaan dan juga sektor swasta. Peserta juga diajar untuk cara penyusunan fail yang biasa dibuat di dalam organisasi.

Bagi dokumen yang disimpan secara dalam talian, peserta diberi peluang untuk membuat simulasi menyimpan fail di dalam *google drive* yang disampaikan oleh Puan Nor Azlina binti Kassim, Pegawai Latihan dari Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT). Peserta diberi pendedahan tentang tatacara penyimpanan dokumen dari sebelum fail disimpan sehingga fail dibuka semula dalam sistem tersebut. Kursus ini juga membuat lawatan ke ANGKASA bagi melihat sendiri sistem pemfailan mereka secara luar talian dan juga dalam talian (sistem keanggotaan, sistem pengurusan gaji dan pengurusan mesyuarat dan rekod).

Pada hari terakhir, para peserta perlu membuat simulasi untuk setiap kumpulan dalam memfailkan nombor fail masing-masing berdasarkan kepada aktiviti yang diberikan. Para peserta perlu menyatakan jenis-jenis fail yang digunakan, nombor pendaftaran fail, jenis surat keluar dan masuk, warna pen yang digunakan untuk kertas minit dan apakah rekod yang tidak perlu dimasukkan di dalam fail.

Kesimpulannya, rekod dan fail merupakan satu perkara yang amat penting dalam melaksanakannya pengurusan aktiviti koperasi. Kebanyakan koperasi yang mempunyai masalah dalam penyelesaian aktiviti koperasi adalah disebabkan pengurusan rekod yang bermasalah. Perlu diingat, rekod dan fail adalah nadi utama kepada kejayaan sesebuah koperasi.



Sesi pengurusan dokumen secara dalam talian



Kerja berkumpulan



Pembentangan daripada peserta

Kursus Inovasi Melalui Model Perniagaan Koperasi

Nur Shuhada Mohd Ali
 nurshuhada@ikma.edu.my
 Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah



Pembentangan daripada peserta

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Tengah telah menganjurkan Kursus Inovasi Melalui Model Perniagaan Koperasi secara bersemuka di Auditorium Dato' Abdul Majid, IKMa Ibu Pejabat pada 03 hingga 04 Oktober 2022 yang lalu. Objektif kursus ini untuk memberi kefahaman asas kepada peserta berkaitan pembangunan dan penyusunan idea perniagaan koperasi secara sistematik, memberi

pendedahan berkaitan empat aspek utama dalam pembangunan kanvas model perniagaan koperasi dan memberi pendedahan berkaitan idea inovasi dalam kanvas model perniagaan koperasi.

Penyertaan kursus ini terdiri daripada wakil koperasi seramai 33 orang peserta. Kursus ini turut dikendalikan oleh penceramah jemputan iaitu Encik Zusuff Kan bin Zainal Kan. Model perniagaan koperasi yang digunakan semasa kursus ini adalah *Business Model Canvas* (BMC). *Business Model Canvas* adalah salah satu strategi yang disusun untuk menggambarkan idea dan konsep sebuah perniagaan dalam bentuk visual. Dengan menggunakan model ini koperasi boleh merancang

aktiviti dengan lebih fokus dalam menjalankan perniagaan. BMC terdiri daripada sembilan elemen iaitu *customer segments, value proposition, channels, customer relationship, revenue streams, key resource, key activities, key partners* dan *cost structure*.

Secara keseluruhannya, kursus ini mendapat kerjasama dan maklum balas yang positif daripada semua peserta yang terlibat. *Business Model Canvas* (BMC) adalah strategi untuk merancang perniagaan menggunakan kerangka yang mudah dan berstruktur. Justeru, koperasi yang terlibat dapat membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi melancarkan aktiviti perniagaan koperasi.

Bengkel Peletakan Harga & Negosiasi Pembekal

Maryam Hamidah Mohd Ghazi
maryam.hamidah@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur dengan kerjasama Sektor Keberhasilan, Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan IKMa Petaling Jaya telah mengadakan Bengkel Peletakan Harga & Negosiasi Pembekal pada 18 hingga 20 September 2022, di Hotel Paya Bunga, Kuala Terengganu selama tiga hari dua malam.

Bengkel ini adalah salah satu program yang telah dirancang bagi Koperasi Kampung Janda Baik Berhad (KOBAlK) di mana koperasi ini menyertai Program “Cooperative Digital Empowerment – Retail Ace (CODE-RACE) oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Bengkel ini telah disertai oleh Anggota Lembaga Koperasi, anggota koperasi dan kakitangan kedai koperasi KOBAlK seramai 20 orang. Tenaga pengajar untuk bengkel ini adalah “Subject Matter Expert” (SME) Coach Noor Azizi bin Omar. Pegawai lain yang turut terlibat di dalam bengkel ini adalah Pegawai Latihan Kanan IKMa Zon Timur iaitu Puan Maryam Hamidah binti Mohd Ghazi selaku penyelaras MiRiCle bagi koperasi KOBAlK dan Pegawai Latihan Kanan, Sektor Keberhasilan, Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan (BKP) IKMa Petaling Jaya, Puan Noor Shafeeza binti Zainuddin.

Objektif bengkel ini adalah untuk memberi kefahaman tentang kepentingan peletakan margin dan harga serta kaitannya dengan negosiasi bersama pembekal. Peserta-peserta bengkel juga diberi peluang melakukan aktiviti interaktif pengukuhan negosiasi dengan pembekal dengan menggunakan teknik negosiasi yang berkesan.

Hasil daripada bengkel ini adalah diharapkan agar peserta daripada koperasi KOBAlK ini dapat menggunakan ilmu yang telah dipelajari untuk diaplikasikan dalam menentukan margin dan menetapkan harga barangan di



Coach Azizi menyampaikan teknik-teknik negosiasi bersama pembekal kepada peserta yang hadir

kedai serta menggunakan teknik negosiasi berkesan ketika berurusan dengan pembekal bagi mendapatkan harga yang berpatutan untuk kedai koperasi. IKMa Zon Timur sangat berbesar hati dapat memenuhi tanggungjawab untuk membantu aktiviti perniagaan kedai koperasi bagi meningkatkan pendapatan koperasi dan kemahiran negosiasi Anggota Lembaga Koperasi dengan pembekal.



Peserta KOBAlK bergambar kenangan bersama Coach Azizi untuk Bengkel Perletakan Harga & Negosiasi Pembekal

Adab Berniaga vs Ilmu Berniaga “Mana Lebih Utama?”

Abdul Hakim Zaidi

hakim@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Timur (Cawangan Kuala Terengganu)

Program Bicara Ilmu Adab Berniaga vs Ilmu Berniaga “Mana Lebih Utama?” telah diadakan pada 22 September 2022 bertempat di Raia Hotel & Convention Centre Terengganu anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Cawangan Kuala Terengganu. Program ini berlangsung dari pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari yang telah disampaikan oleh pakar motivasi dan pengacara terkenal iaitu Tuan Amin bin Idris atau lebih dikenali sebagai “Bro Amin”.



Ucapan perasmian penutupan oleh YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli Mat Hassan



Peserta program khusyuk memberi perhatian terhadap perkongsian daripada penceramah



Perkongsian oleh penceramah YBhg. Tuan Amin bin Idris (Bro Amin)

Program ini telah dihadiri lebih dari 250 orang peserta daripada kakitangan pelbagai agensi, koperasi-koperasi dan usahawan-usahawan dari sekitar Terengganu. Apa yang lebih menarik, terdapat peserta daripada golongan OKU yang hadir sama ke program tersebut. Antara objektif program yang memberi impak kepada peserta bicara ilmu adalah keseimbangan kepentingan faktor kejayaan berniaga dari segi adab dan ilmu, memperkasa pendekatan kemahiran berniaga dan mendedahkan perkara biasa boleh menjadi luar biasa kepada koperator supaya ilmu dan adab di dalam berkoperasi menjadi wacana kepada gerakan koperasi di Malaysia.

Sejurus sahaja tamat program, Majlis Perasmian Penutupan Bicara Ilmu Adab Berniaga vs Ilmu Berniaga “Mana Lebih Utama?” telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli bin Mat Hassan Pengerusi Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Turut sama hadir dalam majlis tersebut, YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia, Ahli Lembaga Pengarah IKMa, YBhg. Dato’ Zainal Abidin bin Mat Nor, Ahli Lembaga Pengarah IKMa, YBhg. Tuan Haji Mohamed Yusoff, Pengerusi Angkatan Negeri Terengganu, Barisan Ahli Lembaga Pengarah IKMa, kakitangan dari pelbagai agensi dan para koperator serta usahawan di sekitar Terengganu.

Secara keseluruhannya, program ini memberi impak yang positif kepada peserta dalam memberi keutamaan terhadap ilmu dan adab di dalam berniaga bagi mendapat keberkatan dalam perniagaan.

Kemeriahan Program MasKop Semarakkan Semangat Keusahawanan dan Berkoperasi

Rohalinda Ahad
 rohalinda@ikma.edu.my
 Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah



Ucapan perasmian oleh Pengerusi MPUKP Klang YBhg. Datuk Nasarruddin

Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) bagi stesen Klang telah diadakan pada 29 September 2022 dengan dihadiri oleh seramai 120 orang peserta. Bertempat di Royal Mustika Ballroom Klang, program ini merupakan program kali kelima dan yang terakhir penganjurannya oleh Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah dan pada kali ini bekerjasama dengan Jawatankuasa MPUKP Klang.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk mengadakan pertemuan di antara IKMa dan koperasi, pada masa yang sama memberi penerangan tentang program pembangunan modal insan yang dianjurkan oleh IKMa bagi tahun 2022. Selain itu, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) memberikan informasi kepada para peserta dalam merebut peluang

perniagaan serta mendapatkan maklumat mengenai bantuan dan sokongan yang disediakan dalam menjayakan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 dan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021 – 2025 (TransKoM).

Atur cara majlis telah dimulakan dengan sesi taklimat daripada IKMa sendiri berkenaan peranan IKMa dan pelaksanaan program sepanjang tahun 2023. Sesi seterusnya adalah berkaitan peranan agensi dalam memasyarakatkan koperasi, disampaikan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia cawangan Klang dan diikuti oleh Tekun Nasional. Setiap agensi menyampaikan maklumat berkaitan peranan mereka terhadap masyarakat dan tawaran produk serta perkhidmatan yang disediakan kepada usahawan dan koperasi.

Sesi istimewa disediakan untuk para peserta dengan mengundang penceramah daripada Cikgu Yaser Consultancy bagi slot Pemasaran Perniagaan Usahawan & Koperasi melalui aplikasi TikTok. Para peserta



Sesi soal jawab bersama peserta



Sesi Pemasaran Perniagaan melalui Aplikasi TikTok oleh Cikgu Yaser Consultancy

yang terdiri daripada usahawan dan koperasi harus merebut peluang mempromosikan produk mereka dengan trend terkini melalui aplikasi TikTok. Aplikasi ini menyediakan pelbagai jenis kandungan video pendek yang boleh diakses hanya

melalui telefon pintar dan menerajui trend penggunaan video di seluruh dunia.

Majlis perasmian penutupan telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Ketua Pengarah IKMa, YBhg.

Datuk Mohd Ali bin Mansor dan disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Nasarruddin Dato' M. Zin, Pengerusi Majlis Pembangunan Usahawan dan Koperasi Parlimen Klang merangkap Lembaga Pengarah IKMa. Dalam ucapan Datuk Nasarruddin, beliau melahirkan rasa bangga dengan sambutan yang diberikan oleh masyarakat di sekitar Klang dan turut mengharapkan sokongan terus diberikan terhadap perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang akan diadakan oleh pihak MPUKP bagi kawasan Parlimen Klang untuk pembangunan usahawan dan koperasi setempat.

Secara keseluruhannya, program turun padang ini telah mencapai objektifnya, berjalan dengan lancar dalam suasana yang ceria dan penuh informasi, memberi kesan positif kepada para peserta dalam usaha memasyarakatkan usahawan dan koperasi di Klang.



Turut hadir, Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) (dua dari kiri) bersama-sama Puan Hamidah Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) (dua dari kanan).

Bengkel DIY Penggalak (Baja) dan Racun Organik

Hamizah Mohd Nadzir
hamizah@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak



Proses penyediaan baja organik



Baja organik yang dihasilkan



Peserta bengkel dari Koperasi SMK Jalan Oya Sibuh Bhd



Peserta bengkel dari Koperasi SMK Merbau Miri Bhd

Pada masa kini, kaedah pertanian yang mementingkan penjagaan alam sekitar kian mendapat perhatian masyarakat termasuk tanaman yang menggunakan baja dan racun yang dibuat secara organik tanpa bahan kimia berbahaya. Kaedah ini bukan saja diterima petani yang mengusahakan tanaman untuk tujuan komersial, tetapi juga isi rumah yang menanamnya sebagai hobi bagi kegunaan sendiri. Kaedah yang digunakan juga dapat mengurangkan kos apabila bahan digunakan boleh diperolehi dengan mudah membabitkan barangan harian dari dapur setiap rumah.

Oleh yang demikian, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak telah menganjurkan Bengkel DIY Penggalak (Baja) dan Racun Organik bagi tanaman pada 20 dan 22 Oktober 2022 yang lalu. Bengkel ini diadakan bagi membantu koperasi di bawah program MiRiCLe yang terlibat dalam pertanian untuk mempelajari kaedah menghasilkan baja dan racun secara organik bagi pengurusan dan kawalan tanaman. Selain dapat menjimatkan kos operasi koperasi dalam pembelian baja dan racun tanaman, koperasi juga dapat menjana pendapatan sampingan daripada penjualan baja dan racun yang telah dihasilkan.

Koperasi yang terlibat dalam bengkel ini adalah Koperasi SMK Jalan Oya Sibuh Berhad pada 20 Oktober 2022 yang melibatkan 37 orang peserta dan Koperasi SMK Merbau Miri Berhad pada 22 Oktober 2022 yang melibatkan 22 orang peserta. Bengkel yang dianjurkan oleh IKMa Zon Sarawak ini dikendalikan oleh Ts. Syed Muhammad Fauzi Alaydrus dari *Habenero Training And Consultancy*. Adalah diharapkan sektor pertanian koperasi akan terus menggunakan baja dan racun organik untuk menghasilkan tanaman yang selamat dimakan dan juga mesra alam persekitaran.

Bengkel Pembangunan Kemahiran Perkhidmatan Jurupandu Pelancongan Kembara Tahap 1 dan 2

Shamsiah Syamsudin

shams@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah



Sesi ceramah bersama Coach Rosli



Praktikal bersama Jabatan BOMBA dan penyelamat Daerah Papar

Negeri Sabah kaya dengan sumber alam semula jadi serta kepelbagaian budaya yang menjadi sumber tarikan pelancongan utama. Terdapat beberapa aktiviti pelancongan berasaskan alam semula jadi dikenal pasti menjadi 'trend' di Sabah seperti selaman skuba, aktiviti pulau, mandi sungai dan air terjun, pelayaran, memerhati bintang (*stargazing*), pengembaraan alam semula jadi (*hiking and cycling*), perkhidmatan *campsite* dan pendidikan sukarelawan (*voluntourism*). Pihak koperasi tidak ketinggalan merebut peluang dengan menawarkan aktiviti pelancongan yang bersesuaian dengan lokasi koperasi antaranya aktiviti pengembaraan alam semula jadi melalui aktiviti *hiking* dan berbasikal. Pada tahun 2019, didapati banyak lokasi pengembaraan alam semula jadi milik anggota koperasi

tumbuh seperti cendawan. Aktiviti ini mendapat sambutan menggalakkan dan dilihat mampu meningkatkan pendapatan dan memberi peluang pekerjaan kepada anggota sebagai jurupandu (*guide*) kepada koperasi. Namun, di sebalik permintaan yang memberangsangkan, koperasi masih kurang yakin untuk mengendalikan aktiviti tersebut terutama dalam aspek keselamatan

Sebagai sebuah pusat latihan yang sentiasa menawarkan program yang relevan dengan keperluan koperasi, Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Kemahiran Perkhidmatan Jurupandu Pelancongan Kembara Tahap 1 pada 28 hingga 30 Jun 2022 di Pituru Trail Kota Belud, dan Tahap 2 pada 5 hingga 7 Julai 2022 di Hidden

Paradise Resort, Papar. Bengkel ini dilaksanakan secara teori dan praktikal dan telah dikendalikan oleh Encik Rosli Abdullah yang merupakan jurulatih bertauliah bagi program kemahiran perkhidmatan pelancongan kembara dan lasak. Puan Shamsiah Syamsudin dan Puan Norawati Ngatmin bertindak sebagai fasilitator sepanjang program dan Encik Imamat Tawarid dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Cawangan Papar sebagai penceramah jemputan. Sebanyak sembilan buah koperasi dengan penyertaan seramai 22 orang peserta terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), anggota dan kakitangan koperasi yang terlibat dalam aktiviti pelancongan lasak dan kembara berasaskan alam semula jadi telah menyertai program ini.

Objektif program ini adalah untuk:

- i. Mendedahkan koperasi kepada peluang perniagaan dalam bidang pelancongan alam semula jadi di Malaysia;
- ii. Memberikan pengkhususan latihan bagi meningkatkan kemahiran dalam memberi perkhidmatan jurupandu pelancongan kembara kepada pelancong;

- iii. Menambah baik amalan pengurusan aktiviti dan lokasi pengembaraan alam semula jadi serta prosedur keselamatan mengikut piawaian dalam negeri dan luar negara;
- iv. Memberi nilai tambah terbaik melalui pengiktirafan badan luar terhadap piawaian keselamatan produk dan perkhidmatan koperasi; dan
- v. Membuka jaringan kerjasama antara koperasi di negeri Sabah dalam aktiviti pelancongan pengembaraan alam semula jadi.

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program adalah Taklimat Keselamatan Premis dan Tapak Aktiviti Pelancongan Koperasi, Perancangan Ekspedisi, Pengurusan Alam Sekitar, Penilaian dan Pengurusan Risiko, Teori Asas Mencari dan Menyelamat, Navigasi dan Orientasi, Asas Pengetahuan Tali, serta Kepimpinan Selamat dan Fasiliti Kegiatan Luar. Selain itu, program ini turut memberi pendedahan kepada koperasi dalam pembangunan produk perkhidmatan pelancongan seperti Klinik *Hammock*, *Team Building*, *Prusik*, *Tree Climbing*, *Nature Climbing*, dan Pembangunan Produk Teknikal. Peserta juga dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk melengkapkan tugas kumpulan iaitu pengisian Borang Penilaian Pengurusan Risiko atau dikenali sebagai borang *RAM (Risk Assessment Management)*. Pada akhir kursus, peserta yang menyertai program ini akan menduduki Ujian Penilaian Tahap 1 dan Tahap 2 secara bertulis bagi menilai kefahaman peserta sepanjang program tersebut.

Pihak IKMa Zon Sabah telah melakukan lawatan susulan ke koperasi pada 15 sehingga 20 Ogos 2022 bagi membuat penilaian pengurusan risiko aktiviti dan lokasi aktiviti pelancongan koperasi. Encik Rosli Abdulah turut hadir semasa program lawatan susulan tersebut bagi memberi pandangan bagi penambahbaikan terhadap garis panduan pelaksanaan aktiviti dan tatacara keselamatan yang dilakukan oleh koperasi dalam setiap aktiviti dan lokasi aktiviti pelancongan koperasi.

Melalui penganjuran program ini, peserta dapat menambah baik amalan pengurusan aktiviti dan lokasi perkhidmatan koperasi melalui penghasilan Pelan Tindakan Pengurusan Penilaian Risiko aktiviti pelancongan pengembaraan alam semula jadi koperasi. Para peserta telah memberikan maklum balas yang positif terhadap pengisian program ini dan menyatakan bahawa program ini telah berjaya membuka minda koperasi terhadap aspek keselamatan. Selain itu, program ini turut berjaya mencetus idea bagi penambahan tawaran perkhidmatan aktiviti pelancongan lain seperti '*prusik*', '*rock climbing*', '*hammock*' dan '*team building*' untuk pelajar sekolah serta organisasi swasta dan kerajaan disebabkan oleh kesesuaian lokasi koperasi dalam menawarkan aktiviti tersebut.



Bergambar bersama peserta di tapak latihan Prusik Knot



Bergambar bersama peserta di Pituru Trail



Bergambar bersama peserta di Puncak Pituru Trail Kota Belud



Sesi praktikal memasang hammock



Sesi praktikal bersama Coach Rosli latihan Prusik Knot

Program Daya Tahan Koperasi Miricle: Bongkar Rahsia Bisnes Berjaya

Norafidah Ismail @ Yaacob
 norafidah@ikma.edu.my
 Institut Koperasi Malaysia Zon Utara

Institut Koperasi Malaysia Zon Utara (IKMa ZU) komited untuk terus membantu meningkatkan pendapatan koperasi agar lebih kukuh menerusi platform MiRiCLE. Program Daya Tahan Koperasi MiRiCLE yang pernah dilaksanakan setahun yang lalu kini diteruskan lagi hasil daripada rentetan maklum balas yang diterima cukup positif dan memberi manfaat kepada gerakan koperasi dalam mendepani era yang kian mencabar ekoran daripada kesan pandemik COVID-19 yang melanda negara.

Pada 29 Ogos 2022 yang lalu, satu lagi Program Daya Tahan Koperasi MiRiCLE: Bongkar Rahsia Bisnes Berjaya telah dilaksanakan secara dalam talian (*online*) dengan menghimpunkan seramai 52 warga koperator di bawah program MiRiCLE yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi, anggota koperasi dan pengurusan koperasi dari pelbagai negeri. Objektif program ini adalah untuk membincangkan isu dan cabaran semasa yang dihadapi oleh koperasi daripada perspektif perniagaan dan tadbir urus. Di samping itu juga, program ini bertujuan untuk

memberikan pendedahan mengenai teknik mengatur strategi perniagaan dengan berkesan dan memberi kefahaman mengenai kepentingan tadbir urus yang baik dan mekanisme pelaksanaannya.

Program separuh hari ini telah menghimpunkan dua penceramah

yang cukup mantap iaitu Encik Hasbul Aqil bin Hasan Zaki yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Majalah Niaga & Pengasas Bersama Hasbul Brothers dan Pengerusi Koperasi Pelaburan Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA) iaitu Tuan Haji Zaharuddin bin Alias. Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh Pengarah IKMa ZU iaitu Puan Hajah Yusnita binti Othman dan disusuli dengan pembentangan sesi pertama oleh Encik Hasbul Aqil bin Hasan Zaki. Beliau mengupas mengenai topik "Bongkar Rahsia Bina Bisnes Berjaya". Selama hampir dua jam beliau tidak lokek berkongsi ilmu dengan memberikan tip dan panduan kepada koperator dalam membina bisnes berjaya. Antara perkara menarik yang disentuh adalah tip



Sebahagian daripada peserta yang hadir memberi sokongan dan kerjasama dalam program dianjurkan oleh IKMa Zon Utara

untuk mencari pelanggan. Terdapat tiga elemen yang perlu diterapkan iaitu *growth mindset*, *awareness* dan *humility*. Beliau turut menekankan semua elemen ini bermula dengan sikap (*attitude*) seseorang itu yang merupakan penentu kepada kejayaan sesebuah perniagaan.

Manakala sesi kedua diteruskan oleh Tuan Haji Zaharuddin bin Alias dengan pembentangan beliau bertajuk "Mekanisme Tadbir Urus Perniagaan Koperasi yang Baik". Beliau menjadikan kisah kejayaan koperasi KOPUTRA sebagai inspirasi kepada warga koperasi dalam membina perniagaan yang mampan menerusi tadbir urus yang cekap dan sistematik. Beliau turut berkongsi pengalaman jatuh bangun koperasi sehingga dapat menempa nama dalam senarai 100 koperasi terbaik di Malaysia. Beliau terus-menerus menyuntik semangat kepada warga koperasi untuk terus memperjuangkan dan memartabatkan gerakan koperasi agar seiring dengan aspirasi negara dalam meningkatkan ekonomi dan pendapatan yang lebih kukuh dan sentiasa bersedia menghadapi segala cabaran yang melanda.

Secara keseluruhannya, program ini dilihat telah mencapai objektif dan berjaya dilaksanakan dengan berkesan. Hasil daripada program ini, diharapkan warga koperasi dapat mengukuhkan daya tahan koperasi dalam mendepani isu dan cabaran semasa. Selain itu, warga koperasi diharapkan dapat meningkatkan kompetensi untuk mengatur strategi perniagaan dengan berkesan dan seterusnya dapat mewujudkan amalan tadbir urus yang baik bagi memastikan koperasi dikendalikan secara berhemah.



Encik Hasbul Aqil bin Hasan Zaki berkongsi tip untuk membina bisnes berjaya dalam koperasi



Tuan Haji Zaharuddin bin Alias penuh bersemangat berkongsi mengenai kisah kejayaan koperasi beliau

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa)

Nur Syazwani Zainul Abidin
nursyazwani@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi



Barisan VIP Universiti Putra Malaysia dan Institut Koperasi Malaysia bergambar sebelum Majlis MoU berlangsung



Majlis menandatangani MoU di antara YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohd Roslan bin Sulaiman Naib Canselor UPM, dan YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa



Naib Canselor UPM, Profesor Dato' Dr Mohd Roslan bin Sulaiman dan Ketua Pengarah IKMa, Datuk Mohd Ali bin Mansor menunjukkan MoU yang telah ditandatangani kepada tetamu yang hadir

Satu pemeteraian perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Pusat Kokurikulum & Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan Pusat Pendidikan Tinggi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah diadakan pada 21 Jun 2022 yang lalu di Dewan Taklimat Serdang di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Majlis menandatangani MoU di antara UPM dan IKMa disempurnakan oleh YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohd Roslan bin Sulaiman, Naib Canselor UPM dan YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa,

dan disaksikan oleh Prof Madya TS. Dr. Nur Izura binti Udzir, Pengarah Pusat Kokurikulum & Pembangunan Pelajar UPM, serta Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) IKMa.

Jalinan kerjasama di antara UPM dan IKMa ini bagi melaksanakan kerjasama dalam aspek pembangunan program keusahawanan koperasi kepada pelajar dari segi latihan dan penyelidikan, perkongsian teknologi, kemudahan dan maklumat hasil daripada penyelidikan bersama,

penganjuran persidangan serta seminar secara bersama.

Menerusi kerjasama ini diharapkan golongan graduan berminat menceburi dalam bidang koperasi yang mana koperasi kekurangan golongan pekerja yang muda dan berkemahiran. Selain itu, melalui kerjasama ini pelajar-pelajar UPM mendapat nilai tambah dari segi pengetahuan dalam bidang koperasi di samping para pelajar dapat meluaskan bidang pekerjaan dalam bidang koperasi. Selain itu juga, koperasi-koperasi mendapat tenaga kerja mahir daripada graduan universiti.

IKMa Meneroka Potensi Kerjasama dengan Universiti Riau, Indonesia

Hamidah Mohd Jos
hamidah@ikma.edu.my
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)



IKMa terus komited untuk menjalankan kerjasama rentas negara dalam aspek pembangunan modal insan. Sehubungan itu, IKMa telah memulakan langkah proaktif dengan menandatangani “Surat Tunjuk Niat” (Letter of Intent) bersama Universiti Riau Indonesia pada 25 Ogos 2022. Kerjasama ini meliputi skop penyelidikan, program sangkutan pelajar, sangkutan kakitangan serta program akademik kedua-dua buah negara.

9th Governance, Management & Leadership Training (GMLT) 22-30 Ogos 2022. Melalui persidangan ini sebanyak 21 persetujuan kerjasama telah ditandatangani di antara universiti dan organisasi. Pihak IKMa telah diwakili oleh Puan Hamidah Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) dan Universiti Riau telah diwakili oleh Prof. Dr. Ria Nely Sari, Dekan Fakulti Ekonomi

dan Perniagaan. Turut hadir Puan Wan Nur 'Ain Wan Abd Rahim, Penolong Pengarah Kanan Unit Pembangunan Modal Insan, IKMa.

Majlis menandatangani kerjasama antara Universiti dan Organisasi tersebut telah disaksikan oleh YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Roziah Mohd Janor selaku Naib Canselor UiTM.

Rangkaian hubungan ini dijalin ketika menghadiri Persidangan Meja Bulat Kepimpinan Strategik (Strategic Leadership Roundtable@ Oxford-Cambridge) pada 22-25 Ogos 2022 yang dianjurkan oleh Accounting Research Institute, UiTM di Cambridge, United Kingdom dengan kerjasama Persatuan Badan Berkanun Malaysia (PBBM) sempena



Lawatan Delegasi Anggota Lembaga Pengaruh ke Koperasi Bumi Kenyalang

Syarifah Rohaya Wan Idris
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak
syarifah@ikma.edu.my



Bergambar kenangan bersama jemputan dan para peserta

Sempena Mesyuarat Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa) kali ke-3 tahun 2022 yang diadakan di Kuching, IKMa Zon Sarawak dengan kerjasama urus setia IKMa ibu pejabat, beberapa siri lawatan telah diatur ke koperasi-koperasi terpilih di sekitar ibu negeri Sarawak itu. Kehadiran barisan Anggota Lembaga Pengarah yang julung kalinya ke Kuching Sarawak telah tiba pada 27 Jun 2022 telah disambut kehadirannya oleh Puan Siti Maimunah Jerni, Pengarah IKMa Zon Sarawak sendiri di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.

Pada hari pertama di Kuching, delegasi Anggota Lembaga Pengarah seramai

15 orang diiringi beberapa orang pegawai tertinggi IKMa, Petaling Jaya menghadiri majlis perasmian Bicara Ilmu “Kejayaanmu, Inspirasiku” anjuran IKMa Zon Sarawak yang diadakan di Hotel Hilton. Majlis Perasmian program tersebut turut disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli Mat Hassan, Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa. Usai majlis perasmian, barisan Anggota Lembaga Pengarah menyempurnakan pula tujuan asal kehadiran mereka ke Kuching, iaitu menghadiri mesyuarat Anggota Lembaga Pengarah seperti yang telah dijadualkan. Pada petangnya pula, delegasi Anggota Lembaga Pengarah turut dibawa melawat pejabat baharu IKMa Zon

Sarawak di AEON Tower, ICOM Square Jalan Pending, Kuching.

Pada hari kedua, harinya dipenuhi dengan program lawatan ke koperasi. Sebanyak dua buah koperasi telah dipilih sempena program lawatan kali ini. Jejak lawatan pada hari itu dimulai dengan mengunjungi Koperasi Nelayan Semariang Berhad. Seawal jam 09.00 pagi, kehadiran rombongan seramai 29 orang yang diketuai oleh Pengerusi Anggota Lembaga Pengarah sendiri telah disambut meriah oleh barisan Anggota Lembaga Koperasi ini. Usai taklimat dan sedikit jamuan, rombongan seterusnya dibawa merasai pengalaman menyusuri pesisir sungai Pulau Bodo, Tanjung

Muhibah, Pulau Salak, Loba Kilung dan Wetland National Park dengan menaiki bot dan berakhir di Pengkalan Telaga Air. Lokasi lawatan seterusnya adalah Koperasi PUSAKA Sarawak Berhad yang bertempat di Wisma Sumber Alam terletak di kawasan Petrajaya, Kuching. Rombongan telah disambut oleh pengurus koperasi bersama beberapa kakitangan dan dibawa ke tingkat 20 untuk sesi “Meet and Greet”.

Datuk Wira (Dr.) Rosli Mat Hassan menyatakan tujuan utama siri lawatan ke Kuching ini adalah untuk menguar-uarkan kewujudan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) yang bakal dilancarkan pada Julai 2022. Beliau

turut menyatakan hasrat supaya suatu hari nanti, UKKM akan menjadi milik bersama koperasi-koperasi di Malaysia dengan menjadi pelabur di universiti tersebut. Oleh yang demikian, beliau juga menjemput beberapa koperasi berpotensi di negeri Sarawak untuk menyertainya, termasuklah KoPUSAKA. Usai perbincangan, barisan Anggota Lembaga Pengarah turut bergambar bersama Anggota Lembaga dan kakitangan pengurusan koperasi dan seterusnya dijamu dengan makanan *authentic* Sarawak, iaitu Laksa Sarawak bersama kuih celorot dan kuih Bongkol. Sesi lawatan tamat sekitar jam 06.00 petang dan rombongan terus dibawa makan malam di restoran ala nyonya,

Babaghanoush yang terletak di Jalan Pending, Kuching.

IKMa Zon Sarawak berasa sangat bertuah dengan kehadiran delegasi Lembaga Pengarah IKMa bersama pegawai tertinggi IKMa Petaling Jaya berkunjung ke Sarawak. Selain dapat mempromosikan tempat-tempat yang telah dilawati, IKMa Zon Sarawak juga sangat berharap semoga semua program yang telah diaturkan serta hospitaliti yang telah diberikan sepanjang tiga hari di sini dapat memberi kepuasan kepada delegasi. Melalui program seumpamanya ini akan dapat mengeratkan lagi silaturahim dan meningkatkan jalinan kerjasama di kalangan warga kerja IKMa biarpun terpisah oleh Laut China Selatan.



Bergambar kenangan bersama kakitangan IKMa Zon Sarawak di pejabat baharu, ICOM Square



Sempat menyempit belon sebagai simbolik lawatan sulung ke IKMa Zon Sarawak



Lawatan ke Koperasi Nelayan Semariang Berhad

Perkongsian Kisah Kejayaan Koperasi

Nor Azlina Kassim
norazlina@ikma.edu.my
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Tuan Haji Mohd Marzuki Yasoa, Ketua Eksekutif Kumpulan Koperasi TNB merupakan antara panel jemputan bagi program ini



Barisan tetamu kehormat bersama panel jemputan dan peserta

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah menganjurkan sambutan Bulan Koperasi Kebangsaan 2022 (BKK22) pada 01 hingga 03 Julai 2022 bertempat di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC), Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah diberi tanggungjawab sebagai pelaksana bagi Program Pembangunan Kapasiti: Perkongsian Kisah Kejayaan Koperasi. Pada 2 Julai 2022, telah berlangsung program Pembangunan Kapasiti: Perkongsian Kisah Kejayaan Koperasi bersempena sambutan Bulan Koperasi Kebangsaan 2022 ini. Program ini telah dihadiri oleh lebih 200 orang peserta yang terdiri daripada anggota koperasi seluruh Malaysia. Selain itu, program ini juga dipancarkan secara terus di Facebook dan Youtube IKMa. Objektif program ini adalah untuk memberi

motivasi dan inspirasi kepada gerakan koperasi dalam mengemudi koperasi menjadi sebuah entiti yang berjaya dalam pengurusan dan perniagaan koperasi.

Tiga orang tokoh koperasi dalam kalangan 100 Koperasi Terbaik Malaysia telah dijemput bagi menayakan program ini antaranya ialah Tuan Haji Mohd Marzuki bin Yasoa, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Koperasi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Encik Mohd Ghazali bin Abbas, Ketua Pegawai Eksekutif, Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (KATMB), dan Encik Azhar bin Mustapha, Pengerusi Telekom Malaysia Berhad (KOTAMAS).

Program ini turut dihadiri oleh YBhg Datuk Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Usahawan), Kementerian

Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah IKMa dan Encik Amran bin Abdul Kadir, Pengarah Pembangunan Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Selain itu, program ini turut dimeriahkan dengan sesi cabutan bertuah yang menyaksikan 15 peserta bertuah menerima pelbagai hadiah yang telah disediakan oleh pihak penganjur. Secara keseluruhannya, program ini mendapat komen yang positif daripada peserta. Kebanyakannya berharap agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan supaya gerakan koperasi dapat memperoleh pengetahuan dan menjadi motivasi serta inspirasi dalam pengurusan dan perniagaan koperasi untuk terus berjaya pada masa hadapan.



Sesi bergambar di antara para pelajar SMK Raja Perempuan Kelsom, guru pengiring dan Encik Intiran

Pelajar SMK Raja Perempuan Kelsom Lawat IKMa

Intiran a/l Harikrishnan
intiran@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah menerima kunjungan seramai 40 orang pelajar dari SMK Raja Perempuan Kelsom dengan diiringi oleh tiga orang guru pada 6 Ogos 2022 yang lalu. Lawatan ini telah disambut oleh pegawai Pusat Pendidikan Tinggi serta kakitangan dari Unit Komunikasi Korporat pada jam 4.00 petang dan pertemuan ini berlangsung selama tiga jam.

Program ini telah dianjurkan oleh Koperasi India Salak Berhad bagi tujuan mengenali IKMa serta fungsinya

serta memberi kefahaman koperasi secara asas. Daripada sesi temu bual bersama dengan guru pembimbing dan pelajar, segelintir daripada mereka ialah ahli koperasi dan mempunyai saham di koperasi sekolah.

Kunjungan ini dimulakan dengan penerangan konsep koperasi yang telah disampaikan oleh Encik Intiran a/l Harikrishnan serta membuat perbandingan koperasi dengan syarikat swasta dan manfaat yang mereka peroleh sekiranya berkecimpung dalam sektor koperasi pada masa hadapan.

Permainan kuiz kahoot dan pop kuiz juga telah diadakan sebagai selingan semasa sesi taklimat. Para pemenang diberi sugu hati berupa sehelai baju 100 Tahun Koperasi sebagai ganjaran. Pada akhir pertemuan ini, sesi pertukaran cenderahati di antara guru SMK Raja Perempuan Kelsom dengan pegawai IKMa telah diadakan sebagai tanda penghargaan. Pihak SMK Raja Perempuan Kelsom mengucapkan terima kasih kepada IKMa atas perkongsian maklumat kepada para pelajar semasa sesi lawatan tersebut.

Lawatan SMKA Sultan Azlan Shah, Bota Perak ke IKMa

Nuur Fadzillah Zulkepli
fadzillah@ikma.edu.my
Unit Komunikasi Korporat



Tanggal 19 September 2022, IKMa telah menerima lawatan sambil belajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sultan Azlan Shah, Perak. Dalam sesi lawatan tersebut, Ketua Pengarah IKMa YBhg. Datuk Mohd bin Mansor turut hadir menyantuni para guru dan pelajar dan turut menyampaikan hadiah kepada pelajar yang berjaya menjawab soalan berkaitan koperasi dalam aktiviti kuiz

koperasi yang turut diselitkan selepas sesi taklimat berkaitan IKMa.

Lawatan itu bertujuan menambah pengetahuan dan pengalaman kepada murid-murid terlibat di samping memberi perangsang kepada mereka untuk memulakan platform dalam bidang akademik yang baik, seterusnya menjadi contoh modal insan berguna khususnya

dalam gerakan koperasi pada masa depan.

Hadir sama dalam sesi taklimat tersebut ialah Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa, Puan Hamidah binti Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan IKMa di samping pengarah dan pihak urus setia.

Program Kerjasama Teknikal


R. Zarinatun Mohd Abdul Kader
zarinatun@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi



Gambar peserta yang cemerlang *Certificate in Co-operative Community Development Through Microfinance*

Pada tahun ini, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah dilantik oleh Kementerian Luar Negeri untuk menyelaras sebanyak dua Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) di bawah Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi (CIC) di peringkat antarabangsa. Program MTCP ini telah diadakan pada **22 - 26 Ogos 2022** berjalan serentak yang bertajuk *Certificate In Co-operative Community Development Through Microfinance* dan *Certificate In Co-operative Management And Governance*. Selain Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi yang menyelaras program ini, Pusat Kewangan dan Akaun (PKA) dan Pusat Pembangunan Koperasi (PPK) juga turut membantu menyelaras program ini dan bertindak sebagai pakar rujuk (*subject matter expert*) dalam membangunkan jadual program, pemilihan penceramah jemputan dan memberi pandangan berdasarkan *subject matter* atas keperluan kursus tersebut.

Seramai 32 orang peserta mewakili 11 negara iaitu **Ghana, Mauritius,**



Gambar beramai-ramai selepas majlis pembukaan Program MTCP 2022 *Certificate in Co-operative Community Development Through Microfinance* dan *Certificate in Co-operative Management and Governance*

Samoa, Lao PDR, Niger, Thailand, Swaziland, Indonesia, Uganda, Azerbaijan dan Algeria. Program MTCP ini merupakan sebahagian daripada komitmen kerajaan Malaysia ke arah mempromosikan kerjasama teknikal dalam kalangan negara-negara membangun, pengukuhan kerjasama serantau dan sub-serantau, memupuk semangat kolektif dan sifat berdikari dalam kalangan negara-negara sedang membangun. Pada tahun ini, dua program yang dijalankan adalah secara dalam talian berikutan

penyebaran wabak COVID-19 di seluruh dunia. Program yang berlangsung selama lima hari serentak pada kali ini memberi penekanan kepada isu-isu mengurus koperasi secara efektif dan berkesan serta cabaran dalam pembiayaan mikro yang memberi kesan kepada gerakan koperasi. Peserta telah berpeluang mengikuti taklimat yang disampaikan oleh pakar-pakar yang terlibat secara langsung dalam gerakan koperasi di Malaysia. Program dimulakan dengan acara *opening ceremony* dengan



Gambar peserta yang cemerlang *Certificate in Co-operative Management and Governance*



perasmian oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan *brief notes* oleh Encik Mogen Selvaraja, *Assistant Secretary, International Cooperative & Development Division* selaku wakil daripada Kementerian Luar Negeri (KLN). Manakala pada hari kedua sesi perkongsian oleh agensi kerajaan terdiri daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan ANGKASA menjadi asas utama dalam mewujudkan sinergi idea dalam kalangan peserta.

Peserta dalam program "*Certificate in Co-operative Community Development Through Microfinance*" telah mengikuti taklimat pengalaman menguruskan operasi di lapangan seperti di tapak pasar malam yang diuruskan oleh Koperasi PERSALAM Manjung Berhad (PERSALAM). Seterusnya penglibatan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang menguruskan mekanisme mikrokredit fokus kepada golongan usahawan wanita. Usahawan wanita tersebut terdiri daripada kalangan miskin dan

berpendapatan rendah bertujuan untuk mengubah taraf sosioekonomi.

Peserta program ini juga dapat mendalami proses kutipan mikro kredit yang diuruskan oleh kedua-dua organisasi ini. Ini seterusnya memberikan input-input untuk membangunkan polisi, amalan terbaik dan piawaian yang dapat meningkatkan taraf gerakan koperasi sekembalinya di negara masing-masing. Selain itu, wakil daripada Ar Rahnu X-Change, Bank Rakyat, IBFIM, As-Salihin Partners dan KOSAHABAT juga turut sama menjayakan program ini dalam memberi perkongsian tentang sistem perniagaan Pajak Gadai Islam dan sistem mikro kredit berlandaskan syariah.

Manakala bagi peserta program "*Co-operative in Management and Governance*" telah diketengahkan pakar-pakar daripada Koperasi Pembangunan Daerah Petaling Jaya Berhad (KPDPB), Universiti Malaysia Kelantan Entrepreneurship Institute (UMKEI), Koperasi Alam Hijau Berhad (KOHIAJU), Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad (KOPETRO),

dan Koperasi Pembangunan Daerah Petaling Berhad (KPDPB) telah diundang untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran mereka kepada para peserta yang terlibat.

IKMa telah menjalankan kursus bagi peserta antarabangsa di bawah program MTCP sejak tahun 1984 dengan menawarkan beberapa program pilihan dalam pelbagai bidang koperasi seperti *Certificate in Co-operative Management and Governance, Certificate in Cooperative Auditing, Certificate in Co-operative Human Recourse Development, dan Certificate in Co-operative Poverty Reduction*. Sehingga kini, IKMa telah melatih lebih 1,099 orang peserta antarabangsa daripada 86 buah negara. Program MTCP 2022 telah berjalan dengan jayanya dengan mod secara dalam talian, tetapi peserta mencadangkan agar program MTCP ini dapat dijalankan secara bersemuka secepat mungkin. Sekali lagi IKMa di bawah Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi, telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan program MTCP di bawah kerangka *Third Country Training Programme (TCTP)* bersama pihak Japan International Cooperation Agency (JICA) bagi Tahun 2023. Kertas cadangan telah dihantar kepada pihak KLN untuk pertimbangan pada bulan Julai 2022. Sebagai kesimpulan dapat dilihat bahawa IKMa bukan sahaja pusat pendidikan dan latihan koperasi yang berjaya di dalam negara tetapi IKMa juga telah melebarkan sayapnya di persada antarabangsa dengan menawarkan kursus dan latihan yang berimpak tinggi kepada peserta dalam dan luar negara.

Hari Koperasi Negara dan Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Terengganu 2022

Abdul Hakim Zaidi
hakim@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Cawangan Kuala Terengganu



Perkongsian oleh YBhg. Dr. HM Tuan Iskandar



Para peserta bergambar kenangan

Bertempat di The Payang Scout Hotel pada 26 hingga 28 Mei 2022, telah diadakan Hari Koperasi Negara (HKN) 2022 berserta Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Negeri Terengganu. Majlis perasmian HKN 2022 Peringkat Negeri Terengganu telah dirasmikan oleh YB. Dato' Yahaya Ali, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, dan turut sama hadir dalam majlis tersebut ialah YB Datuk Muslimin bin Yahaya, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta dif-dif jemputan dari SKM, IKMa serta para koperator.

Bersempena sambutan HKN tersebut, Institut Koperasi Malaysia Zon Timur Cawangan Kuala Terengganu telah diberi tanggungjawab menganjurkan dua sesi pengisian atau program iaitu Ceramah Kembali Bangkit 2022 "Mengubah Minda Untuk Berjaya" dan Ceramah Keusahawanan Koperasi "Push Your Limits!". Ceramah Kembali Bangkit 2022 "Mengubah Minda untuk Berjaya" berlangsung pada 26 Mei 2022. YBhg. Dr. HM Tuan Iskandar telah diundang sebagai penceramah bagi sesi tersebut. Beliau telah

berkongsikan ilmu mengenai strategi dan kuasa minda orang berjaya agar anggota dan barisan pimpinan koperasi terus berdaya maju seiring dengan usia gerakan koperasi 100 tahun bertapak di Malaysia. Sesi ceramah seterusnya disampaikan oleh Encik Azwan Affandi bin Md Jahaya selaku Bendahari Koperasi Siswa Universiti Malaysia Pahang Berhad. Beliau berkongsikan ilmu mengenai bagaimana berkoperasi menjadi salah satu alternatif pilihan untuk membina kerjaya pada masa akan datang di samping mencungkil potensi diri mahasiswa dalam bidang perniagaan melalui keusahawanan koperasi. Program ini telah dihadiri seramai lebih 100 orang peserta daripada pengunjung yang hadir.

Seterusnya, pada tanggal 2 hingga 4 Jun 2022 satu program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) peringkat Negeri Terengganu Tahun 2022 telah diadakan di perkarangan Kompleks Sukan Negeri Terengganu. IKMa telah diberi tanggungjawab untuk mengendalikan sesi Inspirasi Koperasi di pentas mini IKS dengan

tema "Jom Berkoperasi". Seramai 50 orang peserta dari Koperasi Siswa Universiti Malaysia Terengganu Berhad (Kosiswa UMT) dan para pengunjung hadir memeriahkan program ini.

Program Inspirasi Koperasi bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa UMT serta pengunjung mengenai fungsi dan peranan koperasi dalam meningkatkan sosioekonomi anggota melalui berkoperasi. Program ini telah dikendalikan oleh Cik Norsyeirawani binti Shari dan Encik Abdul Hakim bin Zaidi dengan konsep santai bersama peserta.

Bagi menarik minat pengunjung dan peserta, program ini turut diselangi dengan kuiz mengenai fungsi IKMa dan soalan berkaitan koperasi. Hadiah menarik ditawarkan kepada pengunjung yang dapat menjawab soalan tersebut. Secara keseluruhannya, program ini mendapat sambutan positif daripada peserta dan secara tidak langsung dapat menarik dan memupuk minat masyarakat terhadap koperasi.

Pentadbiran dan Pengurusan Koperasi Sekolah 2022

Nazirah Baharudin
 nazirah@ikma.edu.my
 Pusat Perundingan Koperasi

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan) Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus telah merasmikan dan menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta yang menghadiri program anjuran bersama IKMa dan pihak Angkasa. Program Pentadbiran dan Pengurusan Koperasi Sekolah 2022 buat julung kalinya diadakan oleh Pusat Perundingan Koperasi (PRK) bagi memberi pendedahan kepada peserta yang terdiri daripada setiausaha dan bendahari koperasi sekolah. Antara inti pati program adalah berkaitan Landskap, Tadbir Urus dan Undang-undang Koperasi serta berkaitan asas simpan kira dan peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi oleh koperasi sekolah.

Program ini diadakan pada 22-23 September 2022, iaitu selama dua hari satu malam bertempat di Hotel Koptown EDC, Chow Kit, Kuala Lumpur. Penyertaan bagi program ini terdiri dari koperasi-koperasi sekolah sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Antara sekolah-sekolah yang menghadiri program ini adalah



Ucapan perasmian disampaikan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus



Sesi penyampaian sijil oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Onn Kuala Lumpur, SMK Rawang Bhd, SMK Taman Dr. Ismail dan lain-lain.

Secara keseluruhannya, melalui program yang erat antara PRK dan

pihak Angkasa ini dapat membantu dan dapat memberi kebaikan kepada peserta yang terdiri daripada guru-guru berkaitan ilmu koperasi dan kewangan koperasi. Semoga program seperti ini diteruskan lagi demi gerakan koperasi.



IKMa, Brunei Jalin Kerjasama Pembangunan Modal Insan Koperasi 2023

R.Zarinatun Mohd Abdul Kader
 zarinatun@ikma.edu.my
 Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi

Program kerjasama antara pihak Brunei dengan Institut Koperasi Malaysia bermula apabila termeterai Memorandum Perjanjian Persefahaman (MoU) pada 9 Julai 2007, pada ketika itu unit koperasi di Brunei berada di bawah *Brunei Industrial Development Authority*. Usaha kerjasama ini, bertujuan untuk memantapkan pengetahuan anggota koperasi – koperasi di Brunei dalam bidang latihan dan pendidikan koperasi. Sehubungan dengan itu, apabila tamat tempoh MoU bersama IKMa, pihak Brunei berhasrat untuk menyambung semula MoU tersebut

tetapi tidak kesampaian atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Pada tahun 2017, pihak Brunei telah menghubungi IKMa, iaitu Pusat Antarabangsa & Kolaborasi melalui surat bagi menzahirkan niat untuk mengadakan semula kerjasama berasaskan ilmu pengetahuan, latihan dan pendidikan koperasi kepada koperator di Brunei. Jalinan kerjasama secara *Letter of Intent* (LOI) telah dilaksanakan dengan cadangan agar pihak IKMa membangunkan sebanyak 4 program yang bertajuk Pengurusan dan Pentadbiran

Koperasi, Pengurusan Kewangan Koperasi, Perancangan Strategik dan Pengurusan Kedai Runcit. Seramai 8 orang pegawai Latihan telah diterbangkan ke Brunei bagi mengendalikan program di Brunei. Keistimewaan kerjasama di antara IKMa dan Brunei ini telah memberi peluang dan pengalaman kepada pegawai latihan untuk mengendalikan program di Brunei dan mengadakan program secara bersemuka dengan koperator di Brunei. Pada ketika itu, Unit Pembangunan Koperasi Brunei terletak di bawah Kementerian

Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Brunei.

Pada tahun 2018, IKMa telah membangunkan empat program atas permintaan pihak Brunei iaitu Pengurusan Strategik Koperasi, Tatacara Perakaunan dan Pengauditan Koperasi, Pemantapan Kepimpinan Koperasi dan Seminar Ketahui Rahsia Daya Tahan Bisnes Koperasi. Lapan orang Pegawai Latihan telah mengendalikan program ini dengan jayanya. Pada tahun 2019, 2020 dan 2021 program pembangunan modal insan koperasi di bawah kerjasama antara IKMa dan Brunei tidak dapat dilaksanakan akibat COVID-19.

Justeru, pada 20 September 2022, satu mesyuarat secara atas talian telah diadakan di antara IKMa dan Brunei. Antara agenda mesyuarat ini adalah pembentangan laporan program kerjasama antara IKMa dan Unit Pembangunan Koperasi Brunei bagi tahun 2017 dan 2018 dan cadangan program pembangunan modal insan gerakan koperasi Brunei bagi tahun 2023. Brunei meminta agar memperluaskan skop latihan dan pendidikan kepada pembangunan keupayaan dan kapasiti yang merangkumi bimbingan, kajian / penyelidikan dan program sangkutan.

Cadangan dari pihak IKMa iaitu melibatkan 3 Fasa program pembangunan keupayaan gerakan koperasi di Brunei bagi tahun 2023 oleh IKMa ialah seperti berikut:

➤ **Fasa 1:** Mengenal pasti keperluan program pembangunan modal insan gerakan koperasi di Brunei (*capability & capacity building*)

➤ **Fasa 2:** Membangunkan modul / kerangka program pembangunan modal insan yang bersasar dan berimpak iaitu berdasarkan kepada keperluan. Antaranya adalah program latihan dan pendidikan (tadbir urus dan perniagaan) dan khidmat perundingan bagi bidang / sektor yang telah dikenal pasti. Antara sektor utama yang diberi penekanan oleh pihak Brunei adalah pelancongan, pertanian (keselamatan makanan), perkhidmatan (peruncitan) dan lain-lain.

➤ **Fasa 3:** Pelaksanaan dan penilaian program

Cadangan skop program latihan dan bimbingan ialah seperti berikut:

➤ **Program Latihan**
Program kepimpinan koperasi: *Dynamic Legacy Co-operative Leaders & strategic leadership* dan program latihan lain yang bersasar

➤ **Program Bimbingan**
i. *Vision to reality: Co-operative forensic, vision, mission, quantify indicator & roadmap*
ii. Merangka struktur organisasi koperasi dan sistem berdasarkan strategi: *organizational chart through*

cooperative business value chain and "Standard Operating Procedure (S.O.P). (The concept is based on the element of digitalization which is appropriate with co-operative model.

iii. *Co-operative business forensic: Gap analysis, problem statement, propose balance solutions (economic & social value).*

Unit Pembangunan Koperasi Brunei berpandangan bahawa cadangan fasa dan skop pelaksanaan program pembangunan modal insan gerakan koperasi di Brunei dianggap memenuhi keperluan gerakan koperasi di Brunei dan pemegang taruh.

Secara kesimpulan, dapat dilihat bahawa kerjasama antara IKMa dan Brunei merupakan satu kerjasama strategik dalam perspektif pembangunan modal insan koperasi-koperasi di Brunei melalui latihan dan pendidikan yang berasaskan pengetahuan terutamanya dalam bidang koperasi pada mula telah berkembang, malah ia telah diperluaskan yang mana bukan sahaja terhad kepada latihan dan pendidikan. Pengenalan kepada Program pembangunan keupayaan dan kapasiti koperasi-koperasi Brunei ini, bukan sahaja melibatkan sumber atau kepakaran IKMa, tetapi dicadangkan agar program tersebut akan dilaksanakan secara kerjasama antara koperasi di kedua-dua buah negara serta khidmat kepakaran daripada pemain industri.

IKMa, NCCM perkukuhkan Jalinan Kerjasama dengan Termeterai Perjanjian Persefahaman

R. Zarinatun Mohd Abdul Kader
 zarinatun@ikma.edu.my
 Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi



Encik Hurrydeo Boodhoo, *Chairperson of the Council of NCC*, memberi ucapan ringkas berkaitan kerjasama dua hala di antara IKMa dan *National Cooperative College of Mauritius*




Puan Preetee Basanta Lala, *Acting Secretary to Cooperatives Development*, sedang menjawab soalan semasa sesi perbincangan berlangsung

Hubungan kerjasama yang telah sekian lama di antara Institut Koperasi Malaysia dengan National Cooperative College of Mauritius bermula pada tahun 2015. Jalinan kerjasama ini mula berputik apabila menerima peserta dari Mauritius mengikuti Program Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP), anjuran Kementerian Luar Negeri dengan IKMa sebagai Pusat Latihan terpilih. Kejayaan program MTCP ini tidak boleh disangkal lagi, apabila peserta dari Mauritius itu sendiri mengakui telah mendapat manfaat setelah mengikuti latihan dan pendidikan berasaskan ilmu pengetahuan berkaitan koperasi

dengan IKMa. Malah beliau juga telah menjemput Pegawai latihan dari IKMa untuk ke Mauritius sebagai pakar rujuk dalam bidang koperasi dengan mengadakan program latihan dan pendidikan yang pertama kepada koperator di Mauritius.

Malah pada ketika itu, telah tertubuhnya sebuah *National Cooperative College of Mauritius* iaitu sebuah badan korporat yang ditubuhkan di bawah Seksyen 103 Akta Koperasi 2016 dan beroperasi di bawah naungan Kementerian Pembangunan Perindustrian, PKS dan Koperasi. *National Cooperative*

College of Mauritius (NCC) ialah sebagai institusi latihan utama gerakan koperasi tempatan, NCC diberi mandat, antara lain, untuk memberikan pendidikan dan latihan terutamanya kepada anggota koperasi bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat Mauritius dan pada masa yang sama mempromosikan dan menyebarkan konsep, falsafah dan doktrin keusahawanan koperasi dalam kalangan belia, wanita dan orang ramai dalam usaha memperkasakan mereka menjadi usahawan mikro yang mengamalkan pendekatan koperasi dan seterusnya mengintegrasikan mereka dalam gerakan koperasi tempatan



Bergambar bersama pada akhir sesi perbincangan awal setelah termeterai Perjanjian Persefahaman MOU di antara IKMa dengan *National Cooperative College of Mauritius*

Justeru, misi peserta MTCP dari Mauritius telah berjaya apabila pada 30 Ogos 2022, termeterai perjanjian persefahaman MOU di antara IKMa dengan NCCM. Mesyuarat pertama pada 3 Oktober 2022 telah diadakan bagi membincangkan pelaksanaan program perancangan awal program latihan dan pendidikan yang lebih sesuai dan bersistematik dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun. Antara lain untuk mengenal pasti keperluan kolaborasi khususnya dalam skop pembinaan keupayaan & kapasiti untuk gerakan koperasi di kedua-dua negara berdasarkan MOU yang diwujudkan. Mewujudkan rancangan tiga tahun untuk program pembangunan modal insan. Perbincangan dimulakan dengan pengenalan beberapa pegawai dari pihak Mauritius iaitu Encik. Louis Mario Monvoisin Registrar of Cooperatives, Puan Preete Basanta Lala, Acting Secretary to Cooperatives Development, Encik Hurrydeo BOODHOO *Chairperson of the Council of NCC* dan Encik Sanjeev

Coonjobeeharry, *Director of National Cooperative College of Mauritius*.

Wakil IKMa, terdiri daripada Dr. Zurita binti Mohd Salleh, Pengarah Pusat CIC, Puan R. Zarinatun binti Mohd Abdul Kader, Pegawai Latihan Kanan, Pusat CIC, Encik Muhamad Afnan bin Hasim, Pegawai Latihan Pusat CIC dan Encik Nor Irzaq bin Nor Hamid.

Kedua-dua belah pihak telah memahami hasrat kerjasama di bawah MOU antara IKMa dan NCCM yang akan direalisasikan ke dalam program latihan seperti berikut:

- i. Latihan & pembinaan kapasiti - berasaskan keperluan: (Pegawai & koperator): kursus jangka pendek/serederhana/panjang;
- ii. Penyelidikan (TNA) & perundingan (perancangan strategik, peta jalan, model perniagaan, kawasan perundangan dll);
- iii. Berasaskan pengetahuan: persidangan/seminar dll (kesedaran);

- iv. Amalan terbaik: lawatan sambil belajar / Program sangkutan; dan
- v. Pakatan strategik: antara koperasi (perspektif perniagaan).

Pengiktirafan terhadap IKMa terutamanya bagi memartabatkan latihan dan pendidikan berasaskan ilmu pengetahuan serta tenaga pengajar yang pakar dalam bidang koperasi dan modul yang dibangunkan telah mendapat sambutan peserta dari luar negara khususnya terhadap program latihan dan pendidikan. Secara tidak langsung usaha IKMa dalam memperkasakan program luar negara telah membuah hasil, kewujudan sebuah institusi latihan koperasi bukan sahaja telah membimbing anggota koperator dalam negara tetapi telah berjaya dikenali di luar negara, dalam usaha pembangunan modal insan koperasi yang cemerlang, berpengetahuan, berinovasi, berintegriti dan berdaya maju.

Lawatan Projek Farmasi Al-Arif

Nazirah Baharudin
 nazirah@ikma.edu.my
 Pusat Perundingan Koperasi



Farmasi Al-Arif Seksyen 7



Farmasi Al-Arif Bangi Awani



Farmasi Al-Arif Warehouse

Selaras dengan matlamat penubuhan Pusat Perundingan Koperasi (PRK), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) berperanan untuk membantu koperasi yang berkluster sederhana dan besar. Oleh itu, satu lawatan ke Farmasi Al-Arif (KPF2) siri pertama telah berjaya dilaksanakan pada 13 September 2022 hingga 15 September 2022. Lawatan ini melibatkan lima Farmasi Al-Arif sekitar Selangor dan Kuala Lumpur iaitu Farmasi Al-Arif Seksyen 7, Farmasi Al-Arif Sg Ramal, Farmasi Al-Arif Mesra Niaga, Farmasi Al-Arif Bangi Awani dan Farmasi Al-Arif Warehouse.

Tujuan utama lawatan ini diadakan untuk mendapatkan data berkaitan maklumat perniagaan Farmasi Al-Arif dengan menggunakan Kanvas Model Perniagaan (BMC) sebagai alat yang dapat membantu dalam melihat keseluruhan model perniagaan yang dijalankan oleh sesebuah perniagaan. Seterusnya,

borang soal selidik tahap kepuasan bekerja dalam kalangan staf Farmasi Al-Arif dan borang soal selidik kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh Farmasi Al-Arif telah dibangunkan oleh Pasukan Perunding IKMa yang dianggotai oleh pengarah PRK Puan Hajah Roziah binti Mohamed dan pegawai-pegawai PRK iaitu Encik Mohd Fitri bin Ab Rahman, Puan Salwana binti Ali dan Puan Nazirah binti Baharudin.

Hasil dapatan maklumat yang diperoleh telah dianalisis oleh pasukan PRK dan beberapa tindakan akan diambil antaranya pelaksanaan Program Kepimpinan Bisnes untuk pengurus farmasi dalam masa terdekat ini. Objektif program ini untuk membantu meningkatkan kepintaran asas menguruskan perniagaan dan kemahiran asas mengurus manusia kepada pengurus farmasi supaya prestasi

perniagaan dapat dipertingkatkan. Seterusnya, mengenal pasti kemahiran-kemahiran pengurusan dan kepimpinan yang diperlukan untuk mereka bentuk program pembangunan pengurus farmasi. Selain itu, PRK mengharapkan dengan kehadiran penuh dan penyertaan aktif ahli Farmasi Al-Arif dalam program yang direncanakan merupakan kunci utama kepada perjalanan program yang berimpak dan dapat membantu dalam mencapai objektif yang disasarkan.

Secara keseluruhannya, KPF2 berterima kasih atas keprihatinan PRK, Institut Koperasi Malaysia dalam memikul tanggungjawab untuk membantu dan membimbing koperasi yang berkluster sederhana dan besar. Melaluinya dapat mewujudkan hubungan yang positif antara IKMa dan pihak koperasi dan manfaat bersama akan diperoleh demi gerakan koperasi di Malaysia ini.

Anggota Lembaga Pengarah IKMa Lawat Koperasi Homestay Telok Ketapang Terengganu Berhad

Nur Hafieza Hashim
 hafeza@ikma.edu.my
 Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur telah mengadakan lawatan ke Koperasi Homestay Telok Ketapang Terengganu Berhad bersempena dengan perasmian pejabat IKMa Zon Timur Cawangan Kuala Terengganu pada 21 September 2022. Kunjungan seramai 35 orang terdiri daripada Anggota Lembaga Pengarah IKMa, Pengurusan Tertinggi IKMa dan kakitangan IKMa Zon Timur. Tujuan lawatan tersebut diadakan untuk beramah mesra dan menyantuni

koperasi yang mengikuti program MiRiCLe dengan lebih dekat lagi. Semasa sesi lawatan delegasi IKMa telah dibawa menaiki bot menyusuri Sungai Terengganu untuk melihat aspek pelancongan yang diurus oleh Koperasi Homestay Telok Ketapang. Selain itu, delegasi IKMa juga dibawa ke Lambo Sari Creativity & Exploration iaitu Teratak Persinggahan Seni dan Budaya Tradisional Terengganu untuk melihat kejayaan usahawan koperasi membangunkan Lambo

Sari dan mengeksport Kit Wau Batik Terengganu ke negara luar. Di Lambo Sari juga, delegasi disajikan dengan kuih-muih tradisional Terengganu dan berpeluang mencuba pakaian tradisional Terengganu. Di akhir lawatan, YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli bin Mat Hassan, Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa telah menyampaikan bantuan barang keperluan perniagaan kepada anggota koperasi B40 di bawah Skim Tabung Infaq Koperasi Homestay Telok Ketapang Terengganu Bhd.



Antara barisan Anggota Lembaga Pengarah IKMa dan pengurusan tertinggi IKMa yang mengikuti lawatan ke Koperasi Homestay Telok Ketapang Terengganu Bhd




Anggota Lembaga Pengarah IKMa cuba mewarna batik di Lambo Sari Creativity & Exploration

PROJECT CLIMAKERS 2022: COOPKILIM Wakil Malaysia Ke Peringkat Antarabangsa

Muhammad Afnan Hasim
afnan@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi



Mr. Toru Nakaya, Presiden, *Institute for the Development of Agricultural Cooperation in Asia* (IDACA)



Mr. Hirofumi Kobayashi, Pengarah Eksekutif, IDACA

Pada tahun 2022, *World Farmers Organisation* (WFO) melalui *Institute for the Development of Agricultural Cooperative in Asia* (IDACA), Jepun telah menganjurkan satu program yang diberi nama Project CLIMAKERS 2022. Program ini telah diadakan secara dua sesi iaitu sesi pertama pada 20 September 2022 dan sesi kedua pada 29 September 2022. Kedua-dua program ini dijalankan secara dalam talian melalui Aplikasi Zoom.

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan dan

berkongsi pengalaman peserta yang terlibat dalam industri pertanian, penternakan, pelancongan dan perikanan dalam berhadapan dengan perubahan cuaca yang semakin membimbangkan pada hari ini.

Pada peringkat awal program, Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi (CIC), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan program ini dan sekali gus bertindak untuk mengenal pasti, mencalonkan dan membimbing koperasi yang sesuai

dari Malaysia untuk menyertai program ini.

Setelah melalui proses pemilihan dan penilaian oleh penganjur, negara Malaysia telah disenarai pendek ke peringkat akhir. Selain Malaysia, terdapat beberapa negara lain yang turut disenarai pendek seperti New Zealand, Fiji, India, Korea, Nauru, Georgia, Japan, Tuvalu, Vietnam dan Palau.

Pada tahun ini, Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad


(COOPKILIM) telah terpilih untuk mewakili Malaysia. Iaitu Encik Imran Ismail selaku Pengurus Koperasi telah diberi ruang dan peluang untuk membuat pembentangan bagi pihak koperasi di peringkat antarabangsa. Setiap pembentang hanya diberikan masa hanya selama lima minit untuk membentangkan kajian kes mereka. Walau bagaimanapun, peserta dari Malaysia telah membuat kelainan dalam pembentangan beliau di mana, empat minit diambil untuk memberi penerangan yang kemas dan padat. Manakala bagi satu minit itu beliau gunakan untuk menyampaikan melalui video. Pujian penyampaian ini telah mendapat perhatian wakil pihak WFO dan

beliau telah memberi komen beliau semasa sesi soal jawab.

Ucapan pembukaan telah disampaikan oleh Mr. Toru Nakaya, Presiden, *Institute for the Development of Agricultural Cooperative in Asia (IDACA)* dan Mr. Soksotha, Ahli Lembaga WFO. Moderator bagi program ini adalah Mr. Hirofumi Kobayashi, Pengarah Eksekutif, IDACA. Manakala bagi ucapan penutup telah disampaikan oleh Ms. Arianna Giuliodori, Setiausaha, WFO.

Secara kesimpulan, dapat dilihat bahawa kerjasama di antara IKMa dan IDACA telah dapat mengumpulkan koperasi di setiap

negara untuk diberi peluang dan ruang bertemu secara maya dan mewakili negara masing-masing. Malah platform ini digunakan untuk berkongsi pengalaman dan cabaran di negara masing-masing dengan membangunkan koperasi melalui sektor pertanian, penternakan, pelancongan dan perikanan dalam berhadapan dengan perubahan cuaca yang berubah dan tidak menentu serta membimbangkan. Justeru itu, setiap rintangan yang dihadapi telah dikongsi bersama agar peserta mendapat ilmu pengetahuan dan manfaat daripada penerangan pembentang dalam sesi tersebut serta dapat meminimumkan risiko pada masa akan datang.



Gambar pembentang dan peserta yang hadir



Peserta Dr. Kakha Nadiradze, Presiden, *Association for Farmers Rights Defense (AFRD)*, Georgia



Pegawai-pegawai dari IKMa bergambar bersama En. Imran Ismail selepas tamat pembentangan

Program Rapat Warga Zon Selatan: Pertandingan Badminton

Siti Nuraini Abu Bakar
nuraini@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan

Program Rapat Warga (PRW) merupakan program tahunan yang dijalankan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Selatan. Pada tahun ini, PRW telah menjalankan aktiviti Pertandingan Badminton pada 11 Ogos 2022 (Khamis) di Dewan Badminton Larkin, Johor. Program ini berlangsung selama dua jam dan disertai oleh 10 orang warga kerja bahagian akademik dan pentadbiran zon selatan. Objektif program ini untuk merapatkan hubungan dan silaturahim sesama warga kerja dengan aktiviti yang bermanfaat selain dapat mengamalkan gaya hidup sihat melalui sukan badminton.

Pertandingan badminton ini dijalankan secara liga dan warga kerja dibahagikan kepada lima kumpulan. Program ini diakhiri dengan ucapan penghargaan oleh Encik Hafizal bin Abu Bakar, Pengarah IKMa Zon Selatan kepada semua warga kerja yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan PRW pada kali ini dan penyampaian hadiah kepada kumpulan pemenang. Secara



Gambar kenangan Program Rapat Warga 2022

keseluruhannya, PRW ini telah berjalan dengan lancar dan telah mendapat maklum balas yang positif daripada warga kerja serta berjaya mencapai objektifnya.

Pelepasan 400 Ekor Anak Penyu Simbolik Kepada SAMBUTAN 100 TAHUN KOPERASI

Nuur-Fadzillah Zullkepli
fadzillah@ikma.edu.my
Unit Komunikasi Korporat

Sebanyak 400 ekor anak penyu dilepaskan ke habitat asalnya di laut sebagai simbolik sempena meraikan sambutan 100 tahun koperasi dan juga sambutan Hari Kebangsaan negara yang ke-65.

Program pelepasan anak penyu atau nama saintifiknya "Cheloniodea Mydas" ini adalah inisiatif daripada pihak IKMa sebagai salah satu pengisian dalam program CSR IKMa Prihatin dengan kerjasama dari

Jabatan Perikanan Negeri Terengganu bertujuan untuk memulihara hidupan marin berkenaan daripada mengalami kepupusan.

Turut hadir dalam acara tersebut adalah YBhg. Dato' Dr. Din bin Adam, Pengerusi MPUKP Dungun merangkap Pengerusi GIATMARA Malaysia, YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli bin Mat Hassan, Pengerusi IKMa, YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa, YBhg. Tuan Haji Bastien bin Onn, Ahli Lembaga Pengarah IKMa dan YBrs. En. Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa serta barisan AJK MPUKP Dungun.

Dalam program yang sama, YBhg. Datuk Wira (Dr.) Rosli Mat Hassan mewakili IKMa turut berbesar hati menyampaikan sumbangan sebanyak RM1000.00 kepada Jabatan Perikanan Negeri Terengganu.



Program CSR IKMa Prihatin bersama Majlis Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MPKUP) Dungun, Terengganu

1 JULAI 2022



Bicara Perdana "The Power of Coop" sempena Sambutan Bulan Koperasi Kebangsaan 2022 di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTic), Kuala Lumpur

2 JULAI 2022



YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob dalam 'walkabout' beliau ke ruai IKMa telah melaksanakan Gimik Pelancaran Penubuhan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM), sebuah universiti berkonsepkan keusahawanan dan koperasi pertama di Malaysia

4 JULAI 2022



Sesi Taklimat Program Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi (SEPKo)

1 OGOS 2022



Lawatan Penanda Aras ke Koperasi Kesihatan Terengganu Berhad bagi kategori Anugerah Lestari Modal Insan Koperasi - Kluster Sederhana

8 OGOS 2022



Majlis Penyerahan Buku 100 Tahun Gerakan Koperasi di Malaysia kepada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) yang berlangsung di Perpustakaan ANGKASA, Kelana Jaya

12 - 14 SEPTEMBER 2022



Kursus Wajib Koperasi untuk Lembaga Pengarah IKMa 2022

19 SEPTEMBER 2022



Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa), YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor bersiaran secara langsung menerusi rancangan Selamat Pagi Malaysia membicarakan topik "UKKM PEMANGKIN MODAL INSAN KOPERASI"

5 - 6 OKTOBER 2022



Peserta Kursus Induksi Kakitangan Kontrak Baharu Lantikan 2022 bergambar kenangan bersama Puan Hamidah Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) (duduk tengah)

20 OKTOBER 2022



Karnival Usahawan dan Koperasi Keluarga Malaysia anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) di Dataran Eco Grandeur, Puncak Alam Selangor

27 OKTOBER 2022



Bicara Ilmu 'IKMa in Campus' Siswa dan Teknologi Digital dalam Perniagaan Koperasi



1 NOVEMBER 2022



Majlis Pertukaran Dokumen Jalinan Kerjasama antara MYNIC-IKMa-SKM telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa), YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor dan YBhg. Dato' Haji Zazali bin Haron, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia sambil disaksikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha KKMM YBr. En. Ma. Sivanesan a/l Marimuthu

4 NOVEMBER 2022



Majlis Mesra IKMa Bersama Siswa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) "Pencetus Minda Koperasi Negara"

103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-7964 9000

Institut Koperasi Malaysia merupakan satu-satunya institusi latihan dan pendidikan koperasi di Malaysia yang ditubuhkan pada 13 November 1956.

IKMa berperanan penting sebagai peneraju pendidikan koperasi di Malaysia melalui pembangunan latihan serta bimbingan kepada anggota koperasi dan usahawan.

FUNGSI IKMa



www.ikma.edu.my

UNIVERSITI KEUSAHAWANAN KOPERASI MALAYSIA (UKKM)

Hak milik penuh Institut Koperasi Malaysia (IKMa)

"Menawarkan Kursus yang Relevan dan Mengikuti Keperluan Semasa Seiring Peredaran Masa"

VISI

Menjadi universiti yang cemerlang dalam kebitaraan keusahawanan dan koperasi berlandaskan kesejahteraan dan pembangunan mapan ekonomi negara.

MISI

Menjana kecemerlangan keusahawanan dan koperasi menerusi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan pengembangan untuk mencapai wawasan negara.

KONSEP

2u2i •••••

Pelajar mengikuti pengajian di universiti dalam tempoh 2 tahun dan menjalani latihan industri selama 2 tahun

Kerjasama rakan strategik universiti •••••

UKKM akan berkolaborasi dengan universiti tempatan dan industri bagi memastikan pelajar mendapat tempat untuk memenuhi syarat pengajian

Program Antarabangsa •••••

Pengambilan pelajar akan melibatkan koperasi peringkat ASEAN, Asia Pasifik & koperasi-koperasi yang menyertai *International Cooperative Alliance (ICA)*

Skim Latihan Kerjaya Koperasi (SLKK) •••••

Program SLKK ditawarkan kepada graduan yang tidak mendapat pekerjaan di koperasi/syarikat

Temu duga Kampus •••••

UKKM menjemput koperasi dan syarikat untuk mengadakan temu duga terbuka kepada pelajar tahun akhir